

BULETIN PEJABAT PENDAFTAR

TERAS

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

EDISI KE 13 / ISSN 1996 - 2924



fokus

Perjumpaan
Pengerusi MBD
bersama
UTeMASA

info

Anugerah
Perkhidmatan
Cemerlang
(APC)

aktiviti

AGOP
2012

Jemput

BPSM

5 Perjumpaan

Pengerusi Majlis
Bersama Jabatan UTeM

Bersama *Persatuan
Akademik UTeM*

14 Pelaksanaan *Sistem
e-klinik*

Monolog 17
Para Bapa

20 Tamat Pengajian
Ijazah Sarjana

40 SAJ **11 BPSM**

39 Aktiviti BCB

**33 Administrator Global
Outreach Program AGOP**

**(2012) Ke Eropah (Netherland
Dan Jerman) 19 April Hingga 30
April 2012**

Isi Kandungan

19 Harapan *Ibu
Kepada Anak*

8 Tindakan Yang Dilaksanakan
Dalam Menguruskan Gaji SSM
Tahun 2012

16 Harapan **APC 26**
Seorang Bapa *Kepada
Bakal Anaknya*

bagi saya **APC 28**
adalah

**22 Tamat
Pengajian** **Coretan 30**
Ijazah Doktor *Aktiviti Bahagian
Falsafah* *Kesejahteraan Personel*

**23 Ijab Kabul
Cahayamata....**

42 Pengalaman ke
Gunung Kerinci, Sumatera
Indonesia
1 Mei - 6 Mei 2012

**7 Kenaikan
Gaji**

Penaung
Hasan bin Sirun

Ketua Editor
Masdzarif bin Mahat

Sidang Redaksi
Azrina binti Alwi
Hasan bin Saleh
Norsuria binti Azis
Faridah binti Ahmad
Mahathir bin Mazizan
Hisyamuddin bin Jamari
Muhamad Hazrul bin Md Esa

Pembaca Prof
Noraini binti Buang
Norhafizah binti Md Yusoh
Nurhayati binti Mohd Shariff

Jurugambar
Asri bin Abu
Jorafiza binti Juki
Nurulidayu binti Talib
Mohd Farid bin Sapungi
Norziyana binti Hanipah
Khairul Nizam bin Minhat
Md Nor bin Mohamad Saleh

Penulis/Wartawan

Misdrom bin Lan
Norsuria binti Azis
Zaihasrah binti Alias
Omar bin Abdul Aziz
Faridah binti Ahmad
Arjunaidy bin Demek
Siti Nabilah binti Zulkifly
Mohd Hanafie bin Saip
Mohd Anas bin A'denar
Norihan binti Abu Nawar
Mohd Hairull bin Abdolah
Norma Hayati binti Hashim
Muhamad Hazrul bin Md Esa
Mohd Shahrul Nizam bin Shukor
Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin

Perekabentuk

Ratnasaerah binti Azis

Sidang Redaksi

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih
Selawat Dan Salam Kepada Nabi Muhammad SAW
Selamat Sejahtera Kepada Anda Dengan Rahmat Dan Keberkatannya

Kerja, Kerja, Kerja....Tidak!!!!

Aku baru saja selesai menghadiri satu bengkel kerja yang sangat berguna bagi merancang masa depan Universiti atau pun untuk kegunaan sendiri bertajuk *A Foresight Workshop On The Futures of UTeM* yang disampaikan oleh Prof. Sohail Inayatullah dari Graduate Institute of Futures Studies, Tamkang University, Taiwan. Ia bermula dari 7 Jun hingga 9 Jun 2012 bertempat di Renaissance Hotel, Melaka. Bengkel ini dihadiri oleh pegawai-pegawai Kanan Universiti serta pegawai pentadbiran yang berada di peringkat pengurusan Pusat Tanggungjawab.

Banyak perkara yang dipelajari dalam masa yang singkat. Secara amnya terdapat enam (6) teras perubahan masa depan yang perlu diketahui (dikekalkan di dalam Bahasa Inggeris untuk tafsiran asal) :

1 Mapping the past, present and futures – seeks to identify the historical factors and patterns that have created the present. The present is mapped through environmental scans. The future is mapped through an understanding the images of the future;

2 Anticipating the future – through identifying weak signals and emerging issues;

3 Timing the future – through an understanding of the grand patterns of history;

4 Deepening the future – through an analysis of the deeper myths and worldviews underneath the data of the official future;

5 Creating alternatives futures – through an analysis of the critical uncertainties driving the future as well as the archetypes of change;

6 Transforming the future – by articulating a preferred future and developing critical pathways and action learning steps to achieve the desired future.

Idaman hati.....

Bukan ini yang hendak aku ceritakan sebenarnya. Aku tertarik dengan teras yang ke enam di mana di akhir kursus tersebut Prof. Sohail telah meminta supaya semua peserta membayangkan masa hadapan yang dikehendaki, umumnya rata-rata mengidamkan hubungan

kekeluargaan yang mesra dan akrab antara pasangan, anak-anak, rakan-rakan serta kehidupan yang seimbang antara kerja dan kehidupan di luar waktu kerja. Rumah yang selesa untuk diduduki, besar tak semestinya bagus..banyak pula benda nak beli nanti...kereta tak semestinya mahal dan besar asalkan selesa dibawa dan tak banyak meminta untuk dibaiki...makan malam di luar bersama keluarga setiap minggu, kesihatan badan yang baik, minda dan jiwa yang tenang...itulah idaman aku. Bagaimana idaman anda pula?

Kerja Untuk Hidup, Hidup Untuk Kerja...

Satu kesedaran telah timbul di mana aku dapati bahawa kerja adalah sebahagian daripada kehidupan, keduanya tidak boleh dipisahkan... Bagi setengah orang ianya bukan sebahagian daripada kehidupan yang menyeronokkan, tetapi bagi setengah yang lain pula ia adalah sebahagian daripada kehidupan yang mengasyikkan hingga terlupa bahawa waktu bekerja telah tamat! Balik segera! Lakukan perkara lain, Sama ada baik atau buruk, kerja adalah sebahagian besar daripada keseluruhan hidup aku. Perlu diingatkan bahawa kerja adalah satu perkara yang kita tidak boleh lari daripadanya, tidak kiralah apa

■ jenis kerja yang dilakukan, ianya adalah kehidupan kita; lakukan yang terbaik dan menyukainya. Jika tidak, kita semua akan mengharungi kehidupan yang membosankan kerja untuk hidup adalah sebaiknya, bukannya hidup ini semata-mata untuk kerja.

Keseimbangan Di Antara Kerja dan Kehidupan...

Kehidupan bagaimana yang dimaksudkan? Bila kita menyebut mengenai keseimbangan antara kerja dengan kehidupan, yang dimaksudkan adalah kehidupan peribadi kita iaitu masa yang diluangkan bersama keluarga, beriadah, bersama orang tersayang dan lain-lain perkara yang disukai seperti melancong, mengumpul pelbagai barang sama ada baru atau yang antik atau duduk berkumpul bersama rakan-rakan. Bagaimana kita mencari masa untuk melakukan perkara-perkara tersebut? Apa yang kita lakukan pada masa-masa tersebut? Sebelum atau selepas kerja? Sewaktu hujung minggu? Apa yang kita suka lakukan pada waktu itu? Banyak persoalan yang perlu dijawab supaya masa yang telah kita cari dan luangkan itu adalah masa yang amat berguna dan kita menyukai untuk melakukannya. Setelah kita dapat mencari perkara-perkara yang ingin dilakukan, perlu pula untuk menyeimbangkannya dengan kerja.

Mana yang penting? Kerja atau melakukan perkara lain selain kerja. Bagi aku kedua-duanya sama penting. Aku perlu pandai membahagi masa antara keduanya. Ada kalanya ada kerja perlu diberi tumpuan yang lebih, tidak boleh ditangguh perlu selesaikannya segera. Manakala ada pula kerja atau tugas yang boleh disimpan untuk beberapa hari, boleh dicuri sedikit masanya untuk melakukan aktiviti-aktiviti lain selepas waktu kerja.

Mencari Keseimbangan...

Ada pelbagai tip atau cara yang dicadangkan oleh pakar-pakar yang mengkaji keseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi. Semuanya berguna, kita boleh mendapatkannya dengan mudah melalui internet..hanya klik cari kata kunci dan keluarlah pelbagai kaedah mudah, cuma ada keinginan atau sebaliknya untuk melaksanakannya. Aku perturunkan disini beberapa tip yang mungkin berguna...

A. Buat keutamaan – senaraikan perkara yang anda hendak buat. Nampak mudah tetapi untuk menyenaraikan perkara-perkara penting dalam hidup anda, mana satu yang hendak dibuat sekarang, yang perlu anda tinggalkan, yang mana pula hendak dibuat kemudian, yang hendak diteruskan? Perlu komitmen dan ketegasan diri untuk melaksanakan keutamaan ini, hasilnya akan anda lihat sendiri...

B. Cari masa untuk laksanakan perkara lain bersama keluarga atau rakan-rakan – cari masa yang sesuai, bincang bersama pasangan atau rakan anda untuk melaksanakan aktiviti yang disukai bersama. Tentukan harinya dan anda mesti berusaha untuk memenuhinya;

C. Kerja hanya di Pejabat! –sambil menonton, anda keluarkan laptop, tengok e-mail..mmm ada kerja nak buat!! Jadi anda pun mengambil keputusan untuk menyiapkan kerja tersebut dan tanpa anda sedari ruang rehat untuk menonton bersama keluarga telah menjadi ruang pejabat anda!! Simpan laptop anda!! Peraturan yang mesti diikuti...kerja hanya di pejabat!!

D. Diamkan telefon anda, asyik berbunyi saja! – telah menjadi satu tabiat agaknya manusia sekarang, lebih-lebih lagi generasi masa kini, asyik-asyik belek telefon, walaupun tak berbunyi, nak juga tengok...jika anda sedang makan bersama pasangan, keluarga atau orang tersayang, jangan nak belek-belek telefon yang tak berbunyi tu...tumpukan kepada orang yang sedang bersama anda. Anda tidak mahu diganggu sekarang, masa ini hanya untuk bersama keluarga;

E. Jangan rasa bersalah – jangan fikirkan tentang kerja di luar waktu kerja anda. Bagus sebenarnya, kerana ia membolehkan badan dan minda anda berehat. Mungkin produktiviti anda akan meningkat jika anda mendapat rehat secukupnya. Jadi, jangan rasa bersalah jika tidak memikirkan hal-hal berkaitan kerja sahaja sepanjang masa;

Aku berharap agar saranan di atas boleh dijadikan panduan untuk anda dan juga aku sendiri. Agak menakutkan bila aku dapati bahawa semua sasaran yang telah dicapai sepanjang tahun lalu semuanya adalah berkenaan dengan kerja. Kerja memang penting...kerana dengannya aku membayar pelbagai ansuran dan bil-bil yang semakin naik...selain itu juga meningkatkan taraf hidup aku..tetapi aku perlu beringat supaya kerja tidak mengambil semua masa aku untuk melakukan lain-lain perkara yang juga penting selain kerja...

Selamat menikmati hidup yang seimbang dan fokus kepada apa yang paling penting dalam hidup anda...

Wassalam.

masdzarif bin mahat.

Perjumpaan

Pengerusi Majlis Bersama Jabatan UTeM Bersama Persatuan Akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeMASA)

oleh: WAN NAZRUL SHUKRI BIN KAMARUL BAHARIN

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) mula diperkenalkan sebagai jentera perundingan diperingkat Jabatan sejak wujudnya *Interim Joint Council* pada tahun 1946 dan kemudiannya dinamakan Majlis Whitley Jabatan pada tahun 1950. Apabila Majlis Whitley Jabatan dibubarkan pada tahun 1969, kerajaan telah membuat kajian dan menyelaras bentuk dan perjalanan jentera perundingan ini dengan memperkenalkan penubuhan Majlis Bersama Jabatan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1973. Surat-surat Pekeliling Perkhidmatan seterusnya telah memberi perincian, penekanan dan pindaan terhadap pengoperasian MBJ di sesuatu organisasi.

Majlis Bersama Jabatan UTeM telah ditubuhkan berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/1992 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2002. Mesyuarat pertama MBJ KUTKM telah diadakan pada 19 Disember 2004.

Bertitik tolak dari itu, MBJ adalah landasan bagi mengukuhkan keharmonian Universiti serta mewujudkan komunikasi dua hala antara pihak pegawai Universiti dan Persatuan serta Kesatuan Pekerja Universiti. YBhg. Datuk Naib Canselor yang juga merupakan Pengerusi MBJ UTeM telah menyuarakan pandangan agar satu perjumpaan bersama Persatuan dan Kesatuan Pekerja Universiti wajar diadakan.

Sebagai permulaan, pandangan tersebut direalisasikan dengan Persatuan Pegawai Akademik UTeM pada 8 April 2012 lalu. Perjumpaan ini telah diadakan di Dewan Seminar FTMK, Tingkat 3, Bangunan Fakulti Teknologi Maklumat dan Kejuruteraan.

Perjumpaan ini telah dihadiri seramai 69 orang ahli UTeMASA. Dewan Seminar FTMK mula dipenuhi oleh ahli UTeMASA seawal jam 3.00 petang dan diikuti dengan kehadiran Wakil Pengurusan MBJ dan YBhg. Datuk Pengerusi MBJ. Pertemuan ini seterusnya dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Hafizzuddin bin Mior Ahmad Zanidi dari Pusat Islam, UTeM.



Fokus

Majlis seterusnya telah diteruskan dengan ucapan oleh YBhg. Datuk Naib Canselor. Antara intipati ucapan beliau adalah:

- Objektif penubuhan MBJ;
- Keahlian MBJ;
- Keberkesanan MBJ;
- Keprihatinan Pihak Pengurusan;
- Kesan kepada Isu Perwakilan; dan
- Harapan Pihak Pengurusan.

Majlis dibuka kepada sesi dialog bersama ahli UTeMASA. Bermula dengan sejarah penubuhan UTeMASA dan pandangan ahli UTeMASA terhadap pengurusan UTeMASA terutama daripada aspek perjuangan dan aktiviti yang telah dijalankan. Seterusnya sesi dialog tersebut diteruskan dengan kupasan idea-idea dan pandangan membina daripada ahli UTeMASA untuk menambahkan baik hala tuju Persatuan ke landasannya yang sebenar. Setiap pandangan dan hujah yang diutarakan oleh ahli UTeMASA diambil serius oleh pihak Pengurusan Universiti yang sememangnya mengharapkan jaringan saluran maklumat yang lebih telus.

Diakhir majlis ini, kedua-dua belah pihak telah menyuarakan hasrat dan harapan mereka terhadap perjalanan UTeMASA yang lebih utuh berdasarkan objektif asal yang telah ditetapkan.



Kenaikan Gaji Pegawai Perkhidmatan Awam Di Bawah Sistem Saraan Malaysia

oleh: NORMA HAYATI BINTI HASHIM

Pihak Kerajaan dalam usaha memberikan yang terbaik kepada kakitangannya setelah mengambil kira pandangan dan cadangan oleh pihak CUEPACS serta penjawat awam dan perakuan Jawatankuasa Semakan Semula SBPA telah membatalkan Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA). Berikutan dengan pembatalan SBPA, Kerajaan telah membuat keputusan untuk memberikan kenaikan gaji bagi Pegawai Perkhidmatan Awam di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012. Pihak Universiti atas perakuan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2/2012 bertarikh 5 April 2012 telah menerima pakai pekeling perkhidmatan tersebut dan disesuaikan untuk penggunaan di UTeM melalui Pekeliling Pentadbiran Bilangan 6 Tahun 2012.

Inti pati daripada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012 ini ialah pemberian kenaikan gaji sebanyak 9% bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi bagi Gred Utama (VU) dan Gred Khas (VK) dan 13% bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi gred 41 hingga 54 dan Kumpulan Pelaksana bagi gred 1 hingga 40. Prinsip pemberian kenaikan gaji adalah berdasarkan gaji hakiki pegawai pada 31 Disember 2011 dan ditambah dengan kadar peratusan kenaikan gaji mengikut gred.

Selain kenaikan gaji, Sistem Saraan Malaysia 2012 ini juga memperkenalkan struktur gaji baru iaitu Jadual Gaji Minimum – Maksimum (JGMM) bagi menggantikan jadual gaji sebaris bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Jadual Gaji Matriks bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana. Perubahan struktur gaji ini telah menghapuskan tangga gaji bagi setiap gred gaji dan setiap individu akan mempunyai jadual gaji tersendiri. Walau bagaimanapun, gaji hakiki seseorang pegawai masih berada di dalam lingkungan gaji minimum dan gaji maksimum untuk setiap gred gaji.

Sistem Saraan Malaysia 2012 tidak mengubah Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Pegawai. Walau bagaimanapun, bagi pegawai yang telah berada di mata gaji maksimum melebihi satu tahun perkhidmatan pada 31 Disember 2012 termasuk yang berada di jadual gaji KUP, TPG akan diubah kepada 1 Januari.

Sistem Saraan Malaysia 2012 juga memberikan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) yang lebih tinggi iaitu antara RM80.00 hingga RM320.00 kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional, serta Kumpulan Pelaksana mengikut gred gaji masing-masing. Bagi pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, kenaikan gaji adalah sebanyak 7% hingga 9% dengan KGT berdasarkan pelarasan peratusan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) pegawai adalah terhad kepada gaji maksimum dalam JGMM.

Dari segi elaun dan kemudahan, Sistem Saraan Malaysia 2012 ini tidak mengubah elaun dan kemudahan di bawah SSM lama kecuali elaun yang kadar kelayakan adalah berdasarkan gaji atau lingkungan gaji. Contohnya Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) dan Bayaran Insentif Wilayah (BIW).

Pekeling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012 ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012.



Pada 8 Mac 2012, YAB Datuk Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak telah mengumumkan pembatalan Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) dan penggunaan semula Sistem Saraan Malaysia (SSM) dengan penambahbaikan. Namun, tiada perincian berkaitan penambahbaikan SSM sehingga Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012 dikeluarkan pada 30 Mac 2012.

Setelah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012 dikeluarkan, perkara pertama yang dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) ialah membuat kertas kerja bagi tujuan mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam pemakaiannya di UTeM. Pekeliling berkenaan telah dibawa ke Mesyuarat LPU dan diterima pakai sepenuhnya pada 4 April 2012.

Pada masa yang sama, satu mesyuarat telah dijalankan bagi membincang dan mengkaji pekeling tersebut bagi tujuan pemakaiannya di UTeM. Pegawai-pegawai yang terlibat terdiri daripada BPSM, Pejabat Pendaftar, Unit Gaji dan Pinjaman, Pejabat Bendahari dan Unit Pembangunan Sistem, Pusat Komputer. Melalui mesyuarat tersebut satu "task force" telah ditubuhkan bagi membincangkan setiap tugas yang perlu dijalankan oleh setiap individu dan pejabat secara terperinci dalam melaksanakan tugas ini. Memandangkan ia secara langsung berkait dengan gaji, maka Pegawai Unit Saraan dan Perkhidmatan, BPSM bertanggungjawab untuk memastikan proses ini dijalankan mengikut

Tindakan Yang Dilaksanakan Dalam Menguruskan Gaji SSM Tahun 2012.

oleh: NORMA HAYATI BINTI HASHIM

perancangan, tepat dan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan. Mesyuarat juga telah menetapkan bahawa pembayaran gaji baru berserta kenaikan elaun Bantuan Sara Hidup (COLA) dibayar pada bulan April manakala pergerakan gaji tahunan, tunggakan atau potongan akan dibuat pada

gaji bulan Mei 2012. Mengikut perancangan, kesemua proses tersebut hendaklah disiapkan dalam tempoh sebulan iaitu satu tempoh masa yang amat singkat dengan proses yang sangat banyak dan rumit. Tambahan pula ianya secara langsung melibatkan wang (RM), ketepatan dalam pengiraan dan tarikh pembayaran mestilah tepat. Keseluruhan Penyata Perubahan Kewangan (ROC) yang perlu dibuat bagi proses ini adalah menjangkau ke 8000 ROC.

Berikut adalah perancangan tugas yang dijalankan bagi tujuan pembayaran kenaikan gaji SSM baru.

TUGASAN YANG DIJALANKAN

PERINCIAN TUGASAN

TARIKH PENYEDIAAN

PENYEDIAAN GAJI BAGI BULAN APRIL 2012

1. Pembayaran gaji Bulan April 2012

Penyediaan pembayaran gaji bagi bulan April 2012 dibuat berdasarkan gaji 31 Disember 2011 dengan pengiraan kenaikan gaji sebanyak 9% untuk Pengurusan Tertinggi, 13% bagi Kumpulan P&P dan Kumpulan Pelaksana selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012.

4-11 April 2012

2. Pembayaran perubahan elaun COLA PP 3/2012

Penyediaan pembayaran Elaun Bantuan Sara Hidup (COLA) bagi staf yang layak mulai 1 April 2012 dengan kenaikan elaun COLA dari RM200 ke RM250 sebulan bagi kawasan B.

10 April 2012

**TUGASAN YANG
DIJALANKAN**

**PERINCIAN
TUGASAN**

**TARIKH
PENYEDIAAN**

PENYEDIAAN PEMBAYARAN GAJI BAGI BULAN MEI 2012

1. Penyediaan Jadual gaji baru - JGMM	Mengenal pasti kaedah perubahan gaji, gred gaji yang diguna pakai di UTeM dan menyemak jadual gaji baru (JGMM) yang telah dijana oleh Pusat Komputer dengan jumlah data yang perlu disemak sebanyak 54000 data.	9-18 April 2012
2. Pengubahsuaian semula sistem SMSM	Mengenal pasti dan menyenaraikan kod perjawatan yang terlibat dalam proses pembatalan SBPA di Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM).	13-20 April 2012
3. ROC Pembatalan SBPA	Menyediakan Penyata Perubahan Kewangan (ROC) pembatalan SBPA untuk membatalkan rekod SBPA di dalam SMSM menggunakan skrin khas yang telah dibangunkan oleh Pusat Komputer. ROC disediakan, disemak, dikemas kini, disahkan dan dicetak sebelum dihantar ke Pejabat Bendahari untuk proses pembayaran.	21-24 April 2012
4. ROC Pelarasan Gaji	Menyediakan Penyata Perubahan Kewangan (ROC) secara manual untuk menyelaraskan semula gaji bagi staf jantikan baru, staf kontrak, naik pangkat dan tukar skim. ROC disediakan, disemak, dikemas kini, disahkan dan dicetak sebelum dihantar ke Pejabat Bendahari untuk proses pembayaran.	24-26 April 2012
5. ROC Kenaikan Gaji 13% dan 9% berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012	Menyemak semula ROC kenaikan gaji baru yang telah dijana oleh Pusat Komputer dengan data gaji yang dikira secara manual (excel), mengemas kini data, mengesahkan dan mencetak ROC untuk dihantar ke Pejabat Bendahari untuk proses pembayaran.	26-30 April 2012
6. ROC Pergerakan Gaji Tahunan bagi KGT Januari dan elaun terlibat (BIPK dan BIW)	Menyemak semula ROC kenaikan gaji tahunan (KGT) serta elaun BIPK dan BIW bagi staf yang PGT bulan JANUARI yang telah dijana oleh Pusat Komputer dengan data gaji yang dikira secara manual (excel), mengemas kini data, mengesahkan dan mencetak ROC untuk dihantar ke Pejabat Bendahari untuk proses pembayaran	1-3 Mei 2012
7. ROC Pergerakan Gaji Tahunan bagi KGT April dan elaun terlibat (BIPK dan BIW)	Menyemak semula ROC kenaikan gaji tahunan (KGT) serta elaun BIPK dan BIW bagi staf yang PGT bulan APRIL yang telah dijana oleh Pusat Komputer dengan data gaji yang dikira secara manual (excel), mengemas kini data, mengesahkan dan mencetak ROC untuk dihantar ke Pejabat Bendahari untuk proses pembayaran	3- 5 Mei 2012
8. Pengiraan untuk elaun BIPK dan BIW bagi staf yang KGT pada bulan Julai dan Oktober	Membuat pengiraan untuk kadar baru bagi elaun BIPK dan BIW bagi staf yang terlibat disebabkan kenaikan gaji hakiki staf secara manual berdasarkan gaji baru SSM.	5 – 6 Mei 2012

Demakluman Dasar/Peraturan

TUGASAN YANG DIJALANKAN	PERINCIAN TUGASAN	TARIKH PENYEDIAAN
9. ROC kadar baru BIPK dan BIW staf yang terlibat	Menyediakan ROC secara manual untuk melaraskan semula kadar BIPK dan BIW staf yang terlibat. ROC disemak, dikemas kini, disahkan dan dicetak sebelum dihantar ke Pejabat Bendahari untuk proses pembayaran.	5 - 6 Mei 2012
10. Pengiraan pelarasan, tunggakan atau bayaran balik bagi tempoh Januari - April 2012 bagi staf yang terlibat	Membuat pengiraan pelarasan, tunggakan dan bayaran balik gaji, elaun bagi tempoh Januari – April 2012. Perincian seperti berikut: i) Tunggakan/bayaran balik gaji bagi bulan Januari hingga April 2012 ii) Tunggakan Pergerakan Gaji Tahunan bulan (Januari & April 2012) ii) Tunggakan Elaun BIPK & BIW yang berubah mengikut perubahan gaji hakiki.	6 – 8 Mei 2012
11. ROC Tunggakan atau bayaran balik gaji dan elaun yang terlibat.	Menyemak semula ROC tunggakan/bayaran balik yang telah dijana oleh Pusat Komputer berdasarkan pengiraan di para 10, mengemaskinikan data, mengesahkan dan mencetak ROC untuk dihantar ke Pejabat Bendahari untuk proses pembayaran.	8 – 11 Mei 2012
12. Surat Pemakluman secara individu kepada gred VK & VU berkaitan bayaran balik (jika ada)	Penyediaan format pengiraan tunggakan/bayaran balik dan surat makluman kepada Kumpulan Pengurusan Tertinggi.	9 -13 Mei 2012
PELARASAN GAJI YANG DIBUAT BAGI GAJI BULAN JUN 2012		
1. Pelarasan semula elaun memangku dan elaun menanggung	Menyediakan ROC secara manual untuk melaraskan semula kadar elaun memangku dan menanggung staf yang terlibat bagi tempoh Januari hingga Mei 2012. ROC disemak, dikemas kini, disahkan dan dicetak sebelum dihantar ke Pejabat Bendahari untuk proses pembayaran.	28 -31 Mei 2012
2. ROC Perubahan bulan PGT dan pengiraan tunggakan	Menyediakan ROC secara manual untuk mengubah bulan PGT staf yang telah mencapai gaji maksimum/KUP melebihi setahun pada 31/12/2011 serta pengiraan dan ROC tunggakan berdasarkan bulan PGT staf. ROC disemak, dikemas kini, disahkan dan dicetak sebelum dihantar ke Pejabat Bendahari untuk proses pembayaran.	1-6 Jun 2012
3. Pelarasan gaji serta tunggakan staf yang dinaikkan pangkat atau tukar skim	Pelarasan semula gaji serta tunggakan bagi staf yang dinaikkan pangkat atau tukar skim dari Tutor ke Pensyarah.	1-6 Jun 2012

Pada pendapat saya, ini adalah satu tugas yang amat mencabar di mana melibatkan proses yang rumit dan banyak serta perlu dijalankan dengan tepat dan betul dalam tempoh yang sangat singkat. Alhamdulillah dengan izin ALLAH kesemua proses yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan baik dengan ketepatan menghampiri 100%.

Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam tugas ini khususnya Unit Saraan dan Perkhidmatan dan semua warga BPSM yang terlibat, staf di Unit Pembangunan Sistem, Pusat Komputer dan Unit Gaji dan Pinjaman, Pejabat Bendahari. Tidak lupa juga, ucapan terima kasih kepada En.Wahi bin Nordin, Ketua Timbalan Pendaftar dan En.Mohd Azmi bin Mat Said, Timbalan Pendaftar, BPSM yang sentiasa membimbing, mengambil berat dan memantau tugas ini sehingga ia berjaya dilaksanakan dengan jayanya.

Jenguk-Jenguk

Menerajui Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia Serta Perkhidmatan Berorientasikan Tadbir Urus Yang Efektif, Efisyen, Responsif Dan Bertanggungjawab Bagi Memenuhi Kehendak Stakeholder Dan Pelanggan - misi Pejabat Pendaftar

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Pejabat Pendaftar

oleh : MOHD SHAHRUL NIZAM BIN SHUKOR



TIMBALAN PENDAFTAR
N48
Mohd Azmi bin Mat Said



SETIAUSAHA PEJABAT
Nurul Asha binti Abd Khalid
N27

Jabatan Perancangan & Perjawatan



KETUA PENOLONG PENDAFTAR
Junaidah binti Kasim
N44

Jabatan Pentadbiran & Perkhidmatan



KETUA PENOLONG PENDAFTAR
N44

Unit Perjawatan Akademik



PENOLONG PENDAFTAR
Mohamad Razali bin Adduman
N41

Unit Perjawatan Bukan Akademik



PENOLONG PENDAFTAR
Nur Fazilah binti Mohd Kasim
N41

Unit Kenaikan Pangkat



PENOLONG PENDAFTAR
Noor Izwani binti Amir
N41

Unit Perancangan & HRMIS



PENOLONG PENDAFTAR
Mohd Shahrul Nizam bin Shukor
N41

Unit Pentadbiran & Sumber



PENOLONG PENDAFTAR
N41

Unit Sarana & Perkhidmatan



PENOLONG PENDAFTAR
Norma Hayati binti Hashim
N41

Unit Rekod & Persaraan



PENOLONG PENDAFTAR
Norhafzah binti Md Yusof
N41



PENOLONG PEGAWAI TADBIR
Omar bin Abdul Aziz
N27



KETUA PEMBANTU TADBIR
Mohd Hamdan bin Abdul Talib
N26



PENOLONG PEGAWAI TADBIR
Mohd Hanafie bin Saip
N27



PEMBANTU TADBIR KANAN
Mansyah binti Abu Bakar
N22



KETUA PEMBANTU TADBIR
Faridah binti Ahmad
N26



PEMBANTU TADBIR (PO)
Azzol bin Pet
N17



PEMBANTU TADBIR (PO)
Mustafa bin Ibrahim
N17



PEMBANTU TADBIR (PO)
Iwan bin Mohamad
N17



PEMBANTU TADBIR (PO)
Nadiah binti Rahim
N17



PEMBANTU TADBIR (PO)
Aminul Raszyd bin Mohamad
N17



PEMBANTU TADBIR (PO)
Ahmad Fitri bin Abu Bakar
N17



PEMBANTU TADBIR (PO)
Normaliza binti Mustapa
N17



PEMBANTU TADBIR (PO)
Nadhia binti Gafar
N17



PEMBANTU TADBIR (PO)
Mohd Iqmalulbin bin Roowah
N17



PEMBANTU TADBIR (PO)
Ismail bin Md. Nor @ Mohd Nor
N17



PEMBANTU TADBIR (PO)
Siti Nurulfaezah binti Mohd Yasin
N17



PEMBANTU TADBIR (PO)
Suzha binti Yusoff
N17



PEMBANTU TADBIR (PO)
Siti Marziana binti Sarif
N17



PEMBANTU AM PEJABAT
Rabea staf Adewah binti Zakariah
N1



PEMBANTU AM PEJABAT
Abdl Aziz bin Ayub @ Mohammad
N1

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia atau lebih dikenali sebagai BPSM merupakan satu daripada lapan bahagian yang bernaung di bawah Pejabat Pendaftar. Sebagai pusat rujukan utama Universiti, BPSM bertekad untuk menerajui pengurusan dan perkhidmatan sumber manusia yang berkualiti, efektif dan dinamik bagi memenuhi kehendak pelanggan selaras dengan kehendak Universiti.

Struktur Bahagian

Bahagian ini terbahagi kepada dua jabatan seperti berikut:

Jabatan Perancangan & Perjawatan

Unit Perjawatan Akademik
Unit Perjawatan Bukan Akademik
Unit Kenaikan Pangkat
Unit Perancangan/HRMIS

Jabatan Pentadbiran & Perkhidmatan

Unit Pentadbiran & Sumber
Unit Saraan & Perkhidmatan
Unit Rekod & Persaraan

fungsi Bahagian

Ketua Bahagian :

Encik Mohd Azmi Bin Mat Said

Ketua Jabatan Perancangan & Perjawatan :

Puan Junaidah Binti Kasim

Unit Perjawatan Akademik

Ketua Unit : Encik Mohamad Razali bin Adduman

Fungsi

Menguruskan hal perjawatan staf akademik seperti lantikan, penempatan, tuntutan tambang perjalanan selepas lantikan kali pertama, hal imigresen bagi staf bukan warganegara, penetapan gaji permulaan, pelantikan jawatan giliran (pentadbiran) akademik, pertukaran dan peminjaman staf dari dalam dan luar, pelantikan semula staf kontrak serta ganjaran tamat kontrak, hadiah pergerakan gaji (Ph.D) dan peletakan jawatan staf.

Unit Perjawatan Bukan Akademik

Ketua Unit : Cik Nur Fazilah binti Kassim

Fungsi

Menguruskan hal perjawatan staf bukan akademik seperti lantikan, penempatan, tuntutan tambang perjalanan selepas lantikan kali pertama, penetapan gaji permulaan, menguruskan penanggungungan kerja, pertukaran dan peminjaman staf dari dalam dan luar, pelantikan semula staf kontrak serta ganjaran tamat kontrak, dan peletakan jawatan staf.

Unit Kenaikan Pangkat

Ketua Unit : Puan Noor Izwanni binti Amil

Fungsi

Menguruskan hal-hal berkaitan kenaikan pangkat bagi staf akademik dan bukan akademik, merancang laluan kerjaya staf bagi permohonan waran kenaikan pangkat, menyedia dan mengemaskini polisi kenaikan pangkat serta menguruskan pemangkuan jawatan.

Unit Perancangan/HRMIS

Ketua Unit : Encik Mohd Shahrul Nizam bin Shukur

Fungsi

Menyediakan data dan statistik berkaitan staf, melaksana dan mengurus Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM) & *Human Resources Management Information System* (HRMIS), menyedia dan merancang Anggaran Belanja Mengurus (ABM) Perjawatan, Urus setia Penyelarasan Sumber Manusia, Audit Perjawatan, dan *e-Governance*.

Ketua Jabatan Pentadbiran & Perkhidmatan : -

Unit Pentadbiran & Sumber

Ketua Unit : -

Fungsi

Menyelaras pentadbiran di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia seperti mengumpul dan mengkategorikan pekililing kerajaan, menyelaras dan memantau Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja (FM), merekod dan mengawal pergerakan aset & inventori, mengurus keselamatan pejabat, sistem pemfailan dan pembangunan sumber manusia Bahagian. Selain itu, Unit ini juga menguruskan pengambilan pelajar-pelajar praktikal bagi tujuan latihan industri.

Unit Saraan & Perkhidmatan

Ketua Unit : Puan Norma Hayati binti Hashim

Fungsi

Menguruskan pelbagai jenis cuti, mentadbir dan menyelaraskan modul cuti (SMSM), menguruskan pengumpulan dan pembayaran faedah pemberian wang tunai Gantikan Cuti Rehat (GCR), menguruskan permohonan pinjaman/pembiayaan perumahan serta elaun perpindahan rumah, menguruskan pembayaran gaji dan saraan, menyediakan surat pengesahan majikan serta pengesahan bujang.

Unit Rekod & Persaraan

Ketua Unit : Puan Norhafizah binti Md. Yusoh

Fungsi

Menguruskan Buku Rekod Perkhidmatan (BRP), Pemberian Taraf Berpencen (PTB), pendaftaran nombor pencen dari Kumpulan Wang Persaraan (KWAP). Unit ini juga membantu staf dalam menguruskan skim pengeluaran KWSP bagi pekerja berpencen, menguruskan Penyambungan Perkhidmatan Lepas (PPL), dan Persaraan staf. Disamping itu, unit ini turut menguruskan permohonan elaun pakaian panas dan pakaian istiadat/upacara rasmi, tuntutan tambang mengunjungi wilayah asal, bayaran balik skim pembiayaan keahlian kelab rekreasi dan sukan, bayaran balik pasport antarabangsa dan visa serta menguruskan permohonan pekerjaan staf ke agensi luar.

Faks: 06-3316141

Nama	Jawatan	Telefon	E-mel
Mohd Azmi bin Mat Said	Timbalan Pendaftar	06 - 331 6122	azmi@utem.edu.my
Junaidah binti Kasim	Ketua Penolong Pendaftar	06 - 331 6123	junaidahkasim@utem.edu.my
Nurul Aisha binti Abd Khalid	Setiausaha Pejabat	06 - 331 6121	aisha@utem.edu.my
Faridah binti Ahmad	Ketua Pembantu Tadbir	06 - 331 6152	faridahahmad@utem.edu.my
Abdul Aziz bin Ayob @ Mohamad	Pembantu Am Pejabat	06 - 331 6149	abdulaziz@utem.edu.my
Rabeatul Adawiah binti Zakariah	Pembantu Am Pejabat	06 - 331 6149	rabeatul@utem.edu.my
UNIT PERJAWATAN AKADEMIK			
Mohamad Razali bin Adduman	Penolong Pendaftar	06 - 331 6126	mohamadrazali@utem.edu.my
Omar bin Abdul Aziz	Penolong Pegawai Tadbir	06 - 331 6137	omaraziz@utem.edu.my
Azizol bin Pet	Pembantu Tadbir (P/O)	06 - 331 6140	azizol@utem.edu.my
Mustafa bin Ibrahim	Pembantu Tadbir (P/O)	06 - 331 6140	mustafaibrahim@utem.edu.my
UNIT PERJAWATAN BUKAN AKADEMIK			
Nur Fazilah binti Mohd Kassim	Penolong Pendaftar	06 - 331 6022	nurfazilah@utem.edu.my
Mohd Hamdan bin Abdul Talib	Ketua Pembantu Tadbir	06 - 331 6151	hamdan@utem.edu.my
Izwan bin Mohamad	Pembantu Tadbir (P/O)	06 - 331 6138	izwan.mohamad@utem.edu.my
Nadiah binti Rahim	Pembantu Tadbir (P/O)	06 - 331 6138	nadiahrahim@utem.edu.my
UNIT KENAIKAN PANGKAT			
Noor Izwanni binti Amil	Penolong Pendaftar	06 - 331 6853	izwanni@utem.edu.my
Mohd Hanafie bin Saip	Penolong Pegawai Tadbir	06 - 331 6131	hanafie@utem.edu.my
Amirul Rasyid bin Mohamad	Pembantu Tadbir (P/O)	06 - 331 6131	amirul@utem.edu.my
UNIT PERANCANGAN & HRMIS			
Mohd Shahrul Nizam bin Shukor	Penolong Pendaftar	06 - 331 6124	mohd.shahrul@utem.edu.my
Marsitah binti Abu Bakar	Ketua Pembantu Tadbir (P/O) Kanan	06 - 331 6125	marsitah@utem.edu.my
Ahmad Fitri bin Abu Bakar	Pembantu Tadbir (P/O)	06 - 331 6126	ahmadfitri@utem.edu.my
UNIT SARAAAN & PERKHIDMATAN			
Norma Hayati binti Hashim	Penolong Pendaftar	06 - 331 6144	normahayati@utem.edu.my
Normalisza binti Mustafa	Pembantu Tadbir (P/O)	06 - 331 6130	normalisza@utem.edu.my
Mohd Iqmallullail bin Roowah	Pembantu Tadbir (P/O)	06 - 331 6129	iqmallullail@utem.edu.my
Nadhia binti Gafar	Pembantu Tadbir (P/O)	06 - 331 6150	nadhia@utem.edu.my
UNIT REKOD & PERSARAAN			
Norhafizah binti Md Yusoh	Penolong Pendaftar	06 - 331 6139	norhafizahyusoh@utem.edu.my

Delaksanaan *Sistem* **e-Klinik** Universiti Teknikal Malaysia Melaka

oleh : ZAIHASRAH BINTI ALIAS

Pada masa kini, pihak universiti telah pun melantik sebanyak 41 buah klinik panel iaitu 36 klinik panel perubatan bagi tujuan rawatan pesakit luar dan 5 klinik panel pergigian bagi rawatan pergigian. Kemudahan perubatan staf adalah selaras dengan Perintah Am bab F (Perubatan) selain daripada kemudahan perubatan yang disediakan oleh klinik/hospital kerajaan. Justeru, bagi memastikan perkhidmatan kemudahan perubatan di klinik panel dilaksanakan dengan efisien dan berkesan, Pejabat Pendaftar telah mencadangkan agar penambahbaikan dilakukan dengan membangunkan sistem e-Klinik.

Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO) dengan kerjasama Pusat Komputer telah membangunkan e-Klinik bermula pada awal tahun 2011 dan berjaya disiapkan pada awal tahun 2012. Tujuan sistem e-Klinik ini dibangunkan adalah untuk memberi kemudahan perubatan sebagai pesakit luar kepada staf UTeM dan tanggungan yang layak dan memudahkan Pejabat Pendaftar mengawal proses pengurusan klinik panel bermula dari staf mendapat rawatan sehinggalah ke proses tuntutan bayaran invois. Pelaksanaan e-Klinik ini adalah selaras dengan Surat Edaran Pentadbiran Bilangan 6 Tahun 2012 iaitu "Pelaksanaan Sistem e-Klinik Bagi Kemudahan Rawatan Perubatan Di Klinik Panel Universiti Teknikal Malaysia Melaka" yang dikeluarkan bertarikh 10 Febuari 2012.

Dengan adanya sistem e-Klinik ini, urus tadbir berkaitan rawatan perubatan telah memberi kesan yang positif daripada segi pengawalan staf dan tanggungan yang layak mendapatkan rawatan di klinik panel. Staf tidak perlu membawa buku rawatan klinik panel semasa mendapatkan kemudahan rawatan memadai dengan membawa Kad Pengenalan, Kad Matrik atau Kad Pengenalan Tanggungan bagi tujuan pengesahan staf dan tanggungan. Bagi memastikan segala urusan berkaitan berjalan lancar dan berkesan, semua staf hendaklah sentiasa mengemaskini maklumat peribadi dan maklumat tanggungan. Pihak universiti tidak akan bertanggungjawab seandainya staf tidak membuat pengemaskinian di dalam sistem SMSM dan menyebabkan mereka tidak dibenarkan mendapatkan rawatan di klinik panel. Selain itu, kaedah ini juga memudahkan tanggungan staf mendapatkan rawatan sekiranya staf diarah bertugas diluar stesyen dengan capaian data melalui sistem e-Klinik

Melalui jaringan sistem e-Klinik, maklumat staf dan tanggungan boleh diperolehi dan diakses melalui Sistem Pengurusan Sumber Manusia (SMSM). Pihak klinik panel boleh membuat capaian sistem e-Klinik ini melalui website UTeM iaitu di <http://www.utem.edu.my>. untuk menyemak maklumat staf yang layak serta memasukkan butiran maklumat rawatan dengan terperinci dan lengkap. Dalam sistem ini terdapat 3 (tiga) Sub-Modul iaitu Paparan Staf Rawatan, Tuntutan Klinik dan Senarai Rawatan belum Tuntut. Berikut adalah keterangan sub-modul yang dinyatakan :-

1

Sub-Modul Paparan Staf dan Rawatan
Digunakan oleh klinik panel untuk membuat pengesahan pesakit sebelum menerima rawatan di klinik tersebut. Segala maklumat dan butir-butir staf termasuk maklumat pasangan dan anak akan dipaparkan.

2

Sub-Modul Tuntutan Klinik
Digunakan oleh klinik untuk mengemaskini invoice tuntutan bulanan sebelum dihantar ke BPO untuk proses pembayaran. Invoice tersebut mengandungi maklumat staf yang mendapat rawatan serta jumlah kos yang dikenakan mengikut bulan rawatan.

3

Sub-Modul Senarai Rawatan Belum Tuntut
Memaparkan senarai invoice klinik yang masih belum dituntut oleh pihak klinik panel atau tidak disahkan oleh BPO bagi tujuan semakan semula.

Segala butiran dan maklumat yang dimasukkan ke dalam sistem ini akan disimpan dalam pengkalan data. Oleh itu, pihak klinik perlu membuat tuntutan bil setiap hujung bulan dicetak dan cop pengesahan daripada pihak klinik bagi tujuan tuntutan pembayaran ke Pejabat Bendahari.

Selain daripada itu, sistem e-Klinik juga memudahkan pihak Pejabat Pendaftar untuk membuat semakan laporan bulanan dan tahunan klinik panel. Laporan tersebut mengandungi data terperinci seperti jenis rawatan yang diambil oleh staf, kos rawatan, jenis ubatan dan sebagainya bagi tujuan pemantauan dan kawalan. Data tersebut juga boleh dianalisis dan pola kenaikan atau penurunan dapat dilihat daripada segi kos perbelanjaan perubatan setiap bulan atau tahun untuk semua klinik panel. Oleh itu, pembangunan sistem e-Klinik ini banyak memberi kebaikan kepada semua staf dalam mendapatkan rawatan serta memudahkan urusan rawatan oleh klinik panel yang dilantik. Secara tidak langsung ia dapat meningkatkan kecekapan urusan perubatan Pejabat Pendaftar ditahap yang terbaik untuk universiti. Walau bagaimanapun, Pejabat Pendaftar juga sentiasa berusaha membuat penambahbaikan sistem e-Klinik dari semasa ke semasa agar urusan dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan cekap.

Sudut Pandangan

Bismillahirohmannirrohim. Syukur Alhamdulillah diucapkan kepada Allah s.w.t diatas rezeki yang telah diberikan kepada saya dan isteri sepanjang hidup dan perkahwinan kami. Kami mula mengetahui tentang kehamilan isteri pada 27 September 2011 setelah terdapat tanda-tanda kehamilan dan usia kandungan adalah sekitar 8 minggu. Syukur diucapkan isteri tidak mempunyai alahan yang teruk dan kami dapat melalui semua pengalaman dengan baik dan tenang. Semasa diberitahu tentang kehamilan oleh doktor, perasaan saya sungguh gembira dan terharu di atas rezeki yang diberikan serta sedar akan tanggungjawab yang bakal dipikul sebagai suami dan juga sebagai bapa kepada cahaya mata.

Saya berharap anak yang bakal dilahirkan dapat menjadi anak yang soleh dan solehah, bijak, sentiasa mendengar kata kedua ibu bapa dan menjalankan perintah Allah s.w.t. Saya juga akan berusaha sedaya upaya agar anak saya kelak mendapat pendidikan yang secukupnya dari segi agama dan akademik bagi kejayaan hidup bukan sahaja di dunia malahan akhirat kerana akhirat adalah kekal selamanya. Dengan keadaan masa kini di mana banyak kejadian buruk berlaku kepada kanak-kanak dan remaja seperti gejala sosial yang semakin menjadi-jadi, pergaulan bebas, kes penculikan kanak-kanak, dan macam-macam lagi, pastinya ibu bapa perlu sentiasa memberi perlindungan kepada anak mereka.

Ibu bapa juga perlu tahu bahawa mereka bukan hanya bertindak sebagai penjaga malahan sebagai kawan kepada anak mereka agar anak-anak selesa menceritakan sesuatu dan bukan menganggap ibu bapa sebagai individu yang ditakuti tetapi perlu dihormati. Sebagai seorang bakal ayah muda iaitu di usia 24 tahun, saya pasti banyak yang perlu saya pelajari dalam mendidik anak-anak seperti mana ibu bapa saya mendidik saya sehingga sekarang. Terima kasih yang tak terhingga kepada kedua-dua ibu bapa saya kerana sehingga sekarang masih memberikan didikan dan nasihat mengenai persediaan untuk menjadi seorang bapa. *Alhamdulillah*

Harapan SEORANG BAPA KEPADA BAKAL ANAKNYA

oleh: MOHD HANAFIE BIN SAIP

Surah as-Syura ayat 49 dan 50 Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Kepunyaan Allahlah kerajaan langit dan bumi. Dia menciptakan apa yang Ia kehendaki. Dia memberikan anak perempuan kepada siapa yang Dia kehendaki dan memberikan anak lelaki kepada siapa yang Ia kehendaki. Atau Dia menganugerahkan kedua jenis lelaki dan perempuan (kepada siapa yang Ia kehendaki). Dan Dia menjadikan mandul kepada siapa yang Ia kehendaki. Sesungguhnya Dialah yang Maha Mengetahui lagi Maha Kuasa.”



Terima Kasih Allah! Itu kalimah pertama yang terpacul saat sekujur tubuh mungil berada dalam pangkuan. Saat kali pertama dia mengucup oksigen yang Allah langsung tidak pernah berkira tentangnya. Sebak, kagum dan syukur bersilih ganti apabila menatap antara mukjizat ciptaanNya yang maha agung. Perasaan-perasaan itu adalah sebahagian antara rasa paling wajib yang pernah dinikmati oleh segenap lelaki yang bergelar bapa.

Monolog Para Bapa

oleh: MOHD ANAS BIN A'DENAR

Pada rasa bersyukur, dititipkan azan dan iqamat pada telinga si kecil. Moga dengan seruan itu, si kecil memperingati tujuan kelahirannya ke dunia sebagai Hamba Allah. Moga terhindar segala kejahatan dan nafsu duniawi. Moga Allah juga memberikan kekuatan rohani dan jasmani pada kami sekalian bapa, untuk melentur buluh dari rebung, untuk mencorakkan seputih-putih hamparan kain agar kekal bersih terpelihara. Moga dengan kurniaan ini, kami sekalian bapa dan juga mana-mana bakal bapa tidak pernah selingkuh dari jalanNya.

Betapa saat itu kami juga terpaku melihat pengorbanan seorang ibu yang bertaruh 50-50 antara hidup dan mati demi kelangsungan hidup seorang manusia baru. Pengorbanan isteri/ibu membuatkan kami sekalian bapa bermuhasabah menelusuri perjalanan setiap ibu kami, ibu kepada ibu kami dan juga setiap ibu-ibu di dunia ini. Mungkin pada ketika itu barulah ada di antara kami yang terbuka hati dan akalnya akan tinggi nilai dan darjatnya seorang ibu. Namun untuk kali ini, maafkan kami wahai ibu-ibu sekalian, kerana pada cebisan monolog yang hina ini, ruang untuk ibu sekalian mungkin hanya di awalan ini sahaja. Kerana hanya pada kesempatan inilah, sebagai manusia yang pelupa kami juga tidak mahu manusia alpa akan tanggungjawab seorang bapa, ayah, abah, walid, abi, *padre, father, daddy* dan apa jua gelaran mereka. Kami mahu mengingatkan diri kami sendiri yang kerap alpa dan culas dari tanggungjawab.

Kelahiran adalah kurniaan. Anak adalah amanah. Keluarga adalah nikmat. Disebalik kurniaan dan amanah yang berselindung padanya nikmat, ketika itulah datangnya tanggungjawab. Memelihara amanah Allah adalah tanggungjawab yang wajib dilunaskan setiap makhluk ciptaanNya, meski haiwan sekalipun. Memelihara amanah Allah bererti jihad di jalanNya.

Kelahiran menandakan peralihan status. Dari hanya seorang suami kemudiannya melalui transisi menjadi seorang bapa. Kehidupan tidak lagi sama seperti dahulu. Segalanya berubah hampir 90 darjah. Mulai ketika itu juga, atas tiket sebagai seorang bapa, teladan dan contoh menjadi tuntutan dan rujukan kepada seisi keluarga. Senget si ketam mengajar anak berjalan, sengetlah si anak berjalan hingga ke akhirnya.


Kelahiran bererti menambah senarai kata kerja pada kitab yang bakal dicatit Raqib dan Atid. Jumlah pahala dan dosa akan diperhitungkan bersekali jumlah tanggungan. Buatlah kira-kira jika anda mempunyai 10 orang anak dan darabkanlah dengan dosa dan pahala setiap orang. Jika kita diberikan peluang untuk melihat segala catitan, nescaya kebobrokan hari ini mungkin tidak pernah berlaku. Mungkin juga tiada bayi terbuang yang bakal tersisa hidupnya digonggong anjing mahupun dihurung semut.

Tugas seorang suami tidak hanya menyediakan pakai, minum, makan dan tempat lindung. Pada bahunya ada Raqib dan Atid yang menjadi saksi. Pada bahunya terpikul tanggungjawab besar atas setiap perilaku isteri dan anak. Dosa mereka adalah dosanya. Pahala mereka adalah pahalanya. Sampai ke matilah akan bertanggung dosa si anak malahan si isteri juga seisi keluarga sekiranya si bapa gagal memberikan sebaik-baik bimbingan. Apa guna mewah material jika mewah rohani tidak terisi?

Tanggungjawab itu bukanlah suatu keterpaksaan walaupun ianya adalah perkara yang terpaksa ditanggung. Tanggungjawab juga bukanlah suatu beban. Jika tanggungjawab dianggap sebagai beban yang ditanam dalam segala perbuatan, maka situasi akan menjadi tidak keruan. Serba-serbi jadi kalut dan amanah jadi khianat.

Kepimpinan bapalah yang akan ditanya saat perhitungan akhir ditimbang tara. Akan dinilai pada neraca apakah jihad yang kami lakukan dalam tugas-tugas sebagai ketua keluarga. Kompeten seorang bapa di dalam mendidik tidak pernah didatangkan secara tiba-tiba. Kami yang harus belajar untuk mencapainya. Kami juga harus berusaha untuk mendalaminya. Buruk usahanya maka buruklah natijahnya. Buat isteri kami dan anak-anak kami, doakanlah kami agar menjadi para bapa yang diredhai.

Manusia mungkin tidak mampu mengukur berapa tinggikah pengorbanan seorang bapa. Tiada pentas dunia untuk meraikan mahupun memberi pengiktirafan. Tiada saguhati yang setimpal untuk dibayar. Mungkin juga kerana tiada anugerah Bapa Mithali untuk dimenangi yang boleh diangkat sebagai bukti kualiti. Namun, hanya Allah yang maha tahu apa kriteria untuk memenangi anugerah bapa mithali di dunia dan akhirat. Tanpa sebarang kemenangan mahupun penganugerahan, kami akan berusaha agar mampu menjadi pemenang pada redha dan rahmat Ilahi. Cuma tepuklah iman, dan bermuhasabahlah. Cukup bersediakah kita? Cukup ikhlaskah kita? Cukup bertakwakah kita?



Ucapan ibu adalah suatu doa dan saya amat meyakinkannya. Setiap ibu pasti mendoakan yang terbaik untuk anaknya. Apa pun yang hadir dalam perasaan ibu, itu merupakan doa ibu, dan sesuai janji Allah akan mengabulkannya dan menjadikannya kenyataan. Makanya, setiap ibu perlulah sentiasa beringat dan berhati-hati apabila mengeluarkan kata-kata terhadap anak-anaknya.

Menyabung nyawa melahirkan puteri-puteriku yang kini menginjak 7 dan 3 tahun ke dunia, mendapak dan mendengar tangisan lantas menyusukan kalian dengan susu ibu adalah momen yang sangat indah untuk diingati sepanjang hayat ibu. Membesarkan kalian dengan ragam yang pelbagai tidak sesekali mematahkan semangat ibu untuk membimbing kalian menjadi insan yang berguna suatu hari nanti.

Anak-anakku, ibu sentiasa bersiap sedia untuk menjaga kalian walau dalam apa jua situasi melanda. Saat kalian sakit, di kala kelaparan, tatkala kalian terjaga di waktu malam kerana di datangi mimpi ngeri. Ibu lakukan semuanya dengan rela hati dan tanpa keluh kesah. Sedari kecil sehingga kini, ibu masih lagi mengalunkan kalimah Allah dan doa dalam setiap kegiatan yang kalian lakukan. Waktu bermain, makan, mandi, menidurkan kalian dengan harapan dalam hati kecil ibu ini, kalian menjadi anak-anak yang tidak ingkar dengan tuhan yang satu.

Anak-anakku, kalian masih muda, terlalu mentah untuk menilai dan mentafsir harapan dan impian ibu terhadap kalian berdua. Ibu amat berharap pabila kalian dewasa, puteri-puteri ini menjadi insan yang bijaksana, bersahsiah mulia di mata keluarga dan masyarakat. Semoga kalian sentiasa diberikan kesihatan baik yang

HARAPAN Ibu Kepada Anak

oleh : NORIHAN BINTI ABU NAWAR



berpanjangan. Jadilah manusia yang pandai berterima kasih kepada Allah dalam susah mahupun senang, yang boleh mendoakan kebahagiaan ibu dan abah dalam memberikan pahala yang tidak henti-henti di akhirat nanti. Anak-anakku, kalianlah harta ibu dan abah.

Sesungguhnya, ibu senantiasa memohon petunjuk dan bimbingan dari Allah Yang Esa yang Berkuasa dan Maha Agung, agar tidak salah langkah dalam mendidikmu.

Selamat Hari Ibu.....

Ibuku.....

Ibu...

Aku bersyukur kepada Allah swt. kerana masih membenarkan Ibu untuk sentiasa berada di sisiku.

Aku doakan agar Ibu sihat, diberkati dan diberikan kebahagiaan hingga ke akhir hayat.

Terima kasih kerana Ibu telah banyak berkorban demi diriku... menjaga, mendidik dan memberi kasih sayang yang tiada bandingan.

Maafkan aku jika ada kala tingkah laku dan perbuatanku mengguris perasaan dan hatimu Ibu...ku hanya insan biasa, yang tidak mampu melarikan diri dari kesilapan.

Tidak terbalas jasmu yang telah kau curahkan sepanjang hayat ini. Hanya doa dan kasih sayang yang dapat ku beri untuk menyatakan bahawa ku menghargai dirimu. Walau tidak

Nampak dari zahirnya, ku mahu Ibu tahu bahawa dirimu sentiasa berada di dalam hatiku tidak kira dalam apa jua keadaanku dan dimana saja ku berada.

Terima kasih Ibu.

oleh : SITI NABILAH BT ZULKIFLY



Kasih ibu tiada ganti
Kasih ibu kasih sejati
Kasih ibu membawa ke syurga
Kasih ibu membawa bahagia

Tahniah diucapkan kepada staf yang telah berjaya menamatkan pengajian



Tamat? Pengajian Ijazah Sarjana

Oleh: NORSURIA BINTI AZIS

Selamat kembali bertugas

Elektronik dan Kejuruteraan Komputer
fkekk
 Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Anas bin Abdul Latiff (01768) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Telekomunikasi pada 23 Februari 2012 dari Universiti Malaya (UM).

Noor Badariah binti Asan (01720) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Komunikasi dan Komputer pada 9 Februari 2012 dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Hazli Rafis bin Abdul Rahim (01090) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Bioperubatan) pada 23 Februari 2012 dari Universiti Malaya (UM).

Ida Syafiza binti Md Isa (01779) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik-Elektronik dan Telekomunikasi pada 7 Mac 2012 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Siti Fatimah binti Sulaiman (01723) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik-Mekatronik dan Kawalan Automatik pada 7 Mac 2012 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Imran bin Hindustan (01247) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektronik pada 28 Mac 2012 dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Mohamad Faizal bin Baharom (01717) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik Kuasa pada 10 Februari 2012 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Mohd Safirin bin Karis (01782) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik-Mekatronik pada 7 Mac 2012 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Nur Latif Azyze bin Mohd Shaari Azyze (01786) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik-Mekatronik dan Kawalan Automatik pada 7 Mac 2012 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Pembinaan
fkp
 Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Al Amin bin Mohamed Sultan (01740) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Industri pada 10 Februari 2012 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

fkm

Nurhidayah binti Ismail (01747) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekanikal pada 18 Januari 2012 dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Amrik Singh a/l Phuman Singh (01799) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekanikal pada 10 Februari 2012 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Nurul Hilwa binti Mohd Zini (01733) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekanikal pada 9 Februari 2012 dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Nidzamuddin bin Md. Yusof (01785) telah berjaya mendapat Ijazah Kejuruteraan Mekanikal dalam bidang Inovasi dan Reka bentuk Kejuruteraan pada 19 Mac 2012 dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Juffrizal bin Karjanto (01742) telah berjaya mendapat Ijazah Kejuruteraan Mekanikal dalam bidang Inovasi dan Reka bentuk Kejuruteraan pada 19 Mac 2012 dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

ftmk

Saira Hani binti Musa (01629) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana dalam bidang *Art and Design (Visual Communication and New Media)* pada 12 Mei 2012 dari Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Mohd Adili bin Norasikin (01727) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Sains Komputer pada 19 Mac 2012 dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Menuntut ilmu adalah **taqwa**.
Menyampaikan ilmu adalah **ibadah**.
Mengulang-ulang ilmu adalah **zikir**.
Mencari ilmu adalah **jihad**.

- Al-Ghazali -

“ Ilmu adalah pemimpin amal dan amalan itu berada di belakang setelah adanya ilmu.

(Al Amru bil Ma'ruf wan Nahyu 'anil Mungkar, hal.

15) ”

Tamat? Penggajian

Ijazah Doktor Falsafah

oleh NORSURIA BINTI AZIS

“**Sesungguhnya ilmu itu adalah umpama gedung dan anak kuncinya adalah pertanyaan**”

fkekk

Nor Zaidi bin Haron (00417) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Komputer pada 9 Mei 2012 dari Delft University of Technology, Netherland.

fke

Md Nazri bin Othman (00479) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Elektrik pada 15 Mac 2012 dari The Universiti Of Nottingham, UK.

fkm

Ahmad Anas bin Yusof (00308) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal pada 23 Mac 2012 dari Gifu University, Jepun.

ftmk

Zuraida binti Abal Abas (00989) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Matematik pada 13 Mac 2012 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Sivakumar a/l Dhar Malingam (00774) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal pada 14 Mei 2012 dari Australian National University, Australia.

Anusuriya a/p Devaraju (00342) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Geoinformatics pada 19 April 2012 dari University of Muenster, German.

Tee Boon Tuan (00408) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Energy & Combustion pada 8 Mei 2012 dari University of Cambridge, UK.


fkp

Mohd Hadzley bin Abu Bakar (01082) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Engineering Systems & Design pada 27 Mac 2012 dari London South Bank University, UK.

Pusat Bahasa & Pembangunan Insan

pbpi

Shahrulanuar bin Mohamed (00131) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pembangunan Insan pada 23 Februari 2012 dari Universiti Malaya (UM).



Maisarah binti Abu (00075) dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Elektrik pada 30 Januari 2012 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Segala puji bagi Allah SWT, saya berjaya menamatkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan jayanya.

Saya dilahirkan dan dibesarkan di Kg. Serkam Darat, Merlimau, Melaka. Selepas mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Seri Mahkota, saya meneruskan pengajian saya di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Sejurus tamat pengajian di peringkat pra-siswazah, saya telah menjawat jawatan Tutor pertama di FKEKK dan KUTKM pada 1 Jun 2001. Setahun kemudian, saya meneruskan pengajian saya di peringkat Sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Sebelum cuti belajar PhD, saya telah memegang jawatan Ketua Jabatan Kejuruteraan Telekomunikasi selama 3 tahun. Bermula 10 Disember 2007, saya telah mengambil cuti belajar selama 3 tahun setengah untuk menyambung pengajian di peringkat PhD.

Aktiviti penyelidikan yang saya jalankan ialah dengan membangunkan rekabentuk baru antena dan *Artificial Magnetic conductor* (AMC) untuk aplikasi *Radio Frequency Identification* (RFID). Pencapaian penyelidikan saya ialah saya berjaya menulis 13 kertas teknikal konferen dan 2 jurnal di peringkat antarabangsa. Sebanyak 3 pingat telah berjaya diperolehi iaitu pingat emas di peringkat UTM, pingat gangsa di peringkat Kebangsaan (PECIPTA) dan pingat emas di peringkat antarabangsa (SIIF, Korea). Manakala sebanyak 4 nombor fail paten telah diperolehi. Kini saya masih aktif menulis jurnal berimpak faktor dan giat menyambung aktiviti penyelidikan saya.

Di dalam mengharungi pelbagai liku-liku kehidupan, saya juga telah dianugerahkan anugerah yang ternilai dari-Nya. Sepanjang saya cuti belajar PhD, saya telah dianugerahkan 2 orang cahaya mata lelaki dan 2 cahaya mata perempuan (kembar). Demi mereka juga, saya telah cekal dan bersemangat untuk meneruskan dan menamatkan pengajian saya.

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada suami, emak, abah dan keluarga serta rakan-rakan di atas doa dan sokongan yang diberikan. Terima kasih juga kepada UTeM dan KPT yang menaja pengajian PhD saya.

Semoga coretan saya ini menjadi pemangkin kepada rakan-rakan staf yang lain untuk memenuhi harapan mereka yang tersayang dan organisasi kita. Akhir sekali, terimalah falsafah kehidupan ini,

*Jambatan yang paling pendek ialah putus asa,
Jambatan yang paling panjang ialah harapan,
Jambatan yang paling berharga ialah pengorbanan,
Jambatan yang paling kuat ialah keimanan dan
Jambatan yang paling indah ialah kasih sayang.*



Ucapan setinggi penghargaan ditujukan khas kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), terutamanya Bahagian Cuti Belajar UTeM (Puan Siti Salwah yang amat prihatin terhadap perkembangan pembelajaran saya) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana telah menaja pengajian PhD saya di Edinburgh. Edinburgh merupakan salah sebuah Bandar Eropah yang tercantik di dunia, dan University of Edinburgh adalah salah sebuah universiti tua yang berprestij di dunia.

Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada ketiga-tiga penyelia saya iaitu Prof. Dr. Jake Russell, mendiang Dr. Steward Russell (yang meninggal dunia pada penghujung perjalanan PhD saya) dan Dr. Xiao Bai Shen. Di samping itu, penghargaan ditujukan kepada pihak pengurusan fakulti IPTK/FPTT yang telah memberi sokongan padu sepanjang proses pembelajaran saya, kasih sayang daripada ahli keluarga yang tercinta, dan dua orang sahabat terbaik saya-Rizal dan Robert. Kejayaan yang saya perolehi ini, bukan milik saya seorang, tetapi UTeM, BCB, Penyelia-penyelia saya, University of Edinburgh, IPTK/FPTT, ahli keluarga, sahabat terbaik dan mereka yang prihatin terhadap saya juga. Saya bersyukur dan erti, setiap elemen ini tidak boleh hilang daripada proses pembelajaran saya, kerana semua ini yang telah membentuk dan menghasilkan apa yang saya dapat kecapai hari ini.

Penyelidikan PhD saya bertajuk *Government Policy and Corporate Strategy in Managing Risk and Uncertainty in the Regulated Market in the UK-A Study of Biofuels*. Penyelidikan saya berfokuskan kepada pembangunan dan penerapan teknologi baru yang berskala besar di pasaran. Kajian ini dilaksanakan di UK. Izinkan saya menjelaskan serba sedikit mengenainya dalam bahasa Inggeris:



Technological change when a large social technology is under the processes of deployment and development are complex and uncertain. In this dynamic context, risks and uncertainties (R&U) incurred are unavoidable, which might obstruct the progression of the technology implementation and innovation. Hence, a set of mechanism and strategy is required from the stakeholders to facilitate these two processes and to deal with R&U arise. This research studied biofuels in the UK by looking at the context of a regulated market. The Scottish Government and two oil companies (BP and Shell) were selected as cases studied. This research was aimed to investigate the driving forces for the government and oil companies in taking biofuels as the current energy source for transport; their roles and responsibilities in biofuels deployment and development; interactions taken place, R&U faced during two processes, as well as counteracting strategy implemented to deal with these R&U.



Chew Boon Cheong (00819) dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan Teknologi pada 9 Mei 2012 dari The University of Edinburgh, UK.



These first-hand experiences provide some valuable information which is helpful in decision-making. Firstly, the driving forces and the roles and responsibilities of the political authorities and the oil companies could be accurately defined under the regulated market. This would ensure the effective development of mechanisms/strategies, to help foster collaboration and commitment, leading ultimately to seamless interactions between these two players to have one technology deployed and developed. However, the stakeholders that situated outside of this regulated market, yet are influential in shaping the technology development and deployment would not be ignored.

Secondly, R&U identified from the technology's deployment and development processes, and the unexpected risks could be a threshold for learning and to keep the decision makers from falling into the same trap. The counteracting strategies applied to deal with all of these R&U provide many practical solutions that could be used by others when any stakeholders encounter a similar situation.

Setelah saya menamatkan pengajian saya, saya suka menyatakan minat penyelidikan primer saya (primary research interest) kepada rakan-rakan sekerja dan juga pelajar-pelajar UTeM bahawa minat penyelidikan saya berfokuskan kepada pembangunan dan pelaksanaan tenaga boleh-diperbaharui dan juga teknologi hijau/bersih (renewable energy development and deployment, clean technology innovation and introduction). Dengan ini, saya berharap dan mengalu-alukan kerjasama penyelidikan, atau apa-apa projek (penulisan, pembentangan dll) dengan rakan-rakan sesama fakulti saya dan juga rakan-rakan daripada fakulti-fakulti lain yang berminat dalam kedua-dua bidang ini. Perincian saya adalah bertumpu pada bidang sains sosial dan pengurusan.

Kata-kata akhir saya, terima kasih kepada mereka semua yang telah memberi sokongan dalam proses pembelajaran saya. "Semalam saya berbangga untuk menjadi warga UTeM, pelajar UoE; hari ini, saya berharap UTeM, UoE, ahli keluarga dan sahabat saya dapat merasa bangga terhadap saya."

Teruskan usaha kepada rakan-rakan yang masih dalam proses pembelajaran dan good luck untuk rakan-rakan yang bakal melanjutkan pelajaran mereka.

Di sebalik tabir APC 2012



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012.

oleh: MOHD HAIRULL BIN ABDOLAH

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2012 telah diadakan pada 29 Mei 2012 (Selasa) di Dewan Besar, Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Majlis yang diadakan sekali setahun ini bertujuan meraikan staf yang cemerlang di dalam perkhidmatan sepanjang Tahun 2011.


Seramai 152 orang penerima telah di anugerahkan perkhidmatan cemerlang berdasarkan kuota 8% dari jumlah keseluruhan staf seramai 1902 orang.

Majlis APC ini dirasmikan oleh Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor UTeM. Penerima APC pada kali ini diraikan dengan sedikit kelainan dari tahun sebelumnya iaitu, Pemberian Sijil dan hadiah insentif diberikan oleh Y.Bhg Naib Canselor dan diiringi oleh Pendaftar dan Ketua PTj masing-masing.





Berikut adalah peratusan penerima APC bagi tahun 2011 mengikut gred.



Setiap penerima APC layak diberikan insentif dan hadiah seperti yang termaktub di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 tahun 2001 "Garis Panduan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Awam" iaitu:-

- Sijil Perkhidmatan Cemerlang;
- Hadiah prestasi sebanyak RM1,000.00;
- Peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar, atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja;
- Peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima Pingat, Bintang dan Darjah Kebesaran Persekutuan dan negeri; dan
- Nama dan gambar penerima dipamerkan di pejabat di lokasi yang strategik atau yang biasa dikunjungi orang ramai.



APC bagi saya adalah.....



"Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bermakna bagi setiap staf apabila ianya digambarkan sebagai satu pengiktirafan/penghargaan dan penghormatan daripada organisasi kepada staf mereka. Namun begitu, tulang belakang disebalik anugerah tersebut adalah hasil dari kerjasama dan komitmen yang tinggi dari semua pihak. Walau bagaimanapun, setiap staf berpeluang untuk menerima anugerah tersebut. Sekali lagi, sekalung penghargaan kepada pihak pengurusan di atas anugerah ini"

Norhidayah binti Mohd Zainudin

Assalamualaikum,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua di atas penghormatan yg diberikan kepada saya. Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya dapat saya merasa kenikmatan anugerah ini. Bagi saya anugerah ini akan menjadi pemangkin semangat saya untuk terus berbakti dan memajukan diri untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada UTeM khasnya dan negara amnya. Saya juga merasakan anugerah ini adalah untuk semua kerana tanpa bantuan dan tunjuk ajar dari mereka, saya tidak akan berada di tahap ini. ANUGERAH INI ADALAH UNTUK SEMUA.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

Azizol bin Pet



"Anugerah Perkhidmatan Cemerlang adalah satu pengiktirafan yang diberikan terhadap usaha dan sumbangan dalam perkhidmatan dan merupakan motivasi untuk terus maju dalam kerjaya. Walau bagaimanapun, setiap tugas dan tanggungjawab adalah amanah yang perlu dilaksanakan sebaiknya dengan niat ianya sebagai satu kewajipan dan ibadah. Terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Universiti kerana memberikan anugerah ini dan saya menerimanya dengan penuh rasa kesyukuran."

Mohd Adnan bin Mohd Nayan



Sememangnya saya bertuah kerana terpilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini. Bagi saya, APC yang dikurniakan kepada saya tahun ini merupakan satu pembakar semangat kepada saya untuk terus giat menjalankan tugas dengan lebih cemerlang selaras dengan moto Universiti daripada Datuk NC tahun ini iaitu, *Always a Pioneer, Always Ahead...*

Lindaherdani binti Raman



"Berikan yang terbaik pada tugas yang diamanahkan, hormati rakan-rakan sekerja dan jangan harapkan sebarang balasan pada setiap kerja yang telah dijalankan, itulah resepi utama pekerja yang cemerlang." Mungkin itulah kata-kata yang biasa kita dengar setelah selesai majlis penganugerahan. Akan tetapi, dalam sesuatu organisasi, individu di dalamnya tidak akan cemerlang tanpa sokongan rakan-rakan dalam pasukan. Sekiranya salah seorang daripada ahli pasukan mendapat pengiktirafan untuk mendapat anugerah ini, maka secara automatiknya pasukan itu adalah satu pasukan yang cemerlang. **Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.** Terima kasih sahabatku....

Mohd Ruzaini bin Hashim



oleh : Muhamad Hazrul bin Md Esa



“APC sebagai pemangkin untuk terus berusaha bagi meningkatkan kualiti dan prestasi kerja. APC juga sebagai satu ‘booster’ kepada individu untuk lebih berkembang positif ke arah kecemerlangan secara tidak langsung menjadikan individu lebih berperanan dan bertanggungjawab terhadap organisasi”

Nor Hanizah binti Sapuan

APC merupakan anugerah yang diberikan bagi menghargai keringat dan pencapaian bagi tahun lepas. Peluang kepada peningkatan kerjaya dan peledak semangat untuk bekerja dengan lebih baik lagi.

“Cool award! all hardwork paid off”

Mohd Shahrul Nizam bin Shukor



Setinggi kesyukuran saya lafazkan ke hadrat Allah s.w.t atas rezeki Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini. Bagi saya, anugerah ini merupakan satu suntikan semangat untuk saya berkhidmat dengan lebih ikhlas dan bersungguh-sungguh. Selain itu, saya merasakan bahawa berkasih sayang dan bersatu hati antara rakan sekerja sebagai satu kepentingan bagi penghasilan suasana kerja yang mesra dan harmonis. Akhir kata, terima kasih kepada semua yang menyokong saya.

Normalisza binti Mustapa



Ijab qabul...? Cahayamata.....

oleh : FARIDAH BINTI AHMAD



*Mohd Sufian bin Kassim
&
Nurfarhana binti Abd Razak
27 Mei 2012*



*Mashiana binti Razali
&
Mohd Alwi bin Abdul Hamid
9 Jun 2012*



*Amna Nurul Nafeesa binti Rosli
puteri kepada Rosli bin Mahmood
lahir pada 7 April 2012*

Coretan

Aktiviti Bahagian Kesejahteraan Personel

oleh: MUHAMAD HAZRUL BIN MD ESA K.B, P.A (Mal)


Tarikh : Jumaat, 23 Mac 2012
Program : Motivasi Bulanan
Tajuk : **‘Tension Ke Der?’**
Skop Kupasan : Pengurusan Tekanan
Penceramah : Encik Hamran bin Dollah
Pensyarah Kanan,
Kolej Matrikulasi Johor
Tempat : Auditorium Canselori
Masa : 9.00 pagi hingga 11.30 pagi

Motivasi Bulanan ‘Tension Ke Der?’ mengupas berkaitan dengan pengurusan tekanan di kalangan staf terutamanya. Tekanan bukan sesuatu yang asing dalam kehidupan individu. Boleh dikatakan, semua individu akan menghadapi tekanan. Masalah keluarga, perkahwinan, anak-anak, rakan sekerja, semuanya menyumbang kepada tekanan. Beberapa tips menghadapi tekanan telah dikongsikan sepanjang program berlangsung untuk digunapakai oleh peserta dalam menghadapi tekanan kelak.

Sentiasa pastikan 3 jam pertama hari anda berada dalam mood yang positif. Mood untuk 3 jam pertama ini akan memberi kesan kepada keseluruhan hari anda.

Dalam apa jua situasi, letakkan akal anda di hadapan, bukan emosi di hadapan. Berfikir sebelum bertindak, bukan bertindak berdasarkan perasaan.

Sentiasa senyum. Senyum akan meningkatkan mood positif dalam diri. Senyuman juga akan mengalirkan aura positif kepada individu lain.





**KURANGKAN
MAKAN
DI LUAR**

**BUAT CATATAN &
RANCANG
PEMBELIAN**

**JAGA HARTA
DENGAN BAIK**

**5 TIPS
KEWANGAN
MUDAH**



**ELAK BELANJA
DENGAN KAD
KREDIT**

**PENDAPATAN -
SIMPANAN =
PERBELANJAAN**

Tarikh : Khamis, 26 April 2012
 Program : Motivasi Bulanan
 Tajuk : **Tak Nak Pokai !**
 Skop Kupasan : Pengurusan Kewangan
 Penceramah : Encik En. Raju a/l Periasamy
 Kaunselor Kredit, Agensi
 Kaunseling dan Pengurusan
 Kredit
 Tempat : Auditorium Canselori
 Masa : 9.00 pagi hingga 11.30 pagi

Motivasi Bulanan 'Tak Nak Pokai' ini merupakan satu ceramah berkaitan dengan pengurusan kewangan individu. Masalah berkaitan kewangan bukan masalah yang asing bagi kita. Semakin tinggi jawatan, semakin banyak wang yang perlu digunakan. *'More gain, more spend'*. Hakikatnya, masalah berkaitan wang ini bukan satu perkara mudah, malahan mampu meruntuhkan institusi kekeluargaan, memutuskan persaudaraan dan persahabatan, menukar individu menjadi individu yang lain. Kuasa wang dilihat mampu mengukar-kacirkan kehidupan seharian kita. Justeru, pengurusan kewangan yang terbaik mampu memberikan ruang kepada kita untuk hidup lebih sempurna tanpa beban kewangan yang tinggi.





**SENTUHAN
SAYANG**

**JAGA
PENAMPILAN
DIRI**

Tujuan perkahwinan adalah untuk mencapai ketenangan dan kebahagiaan dalam kehidupan. Firman Allah yang bermaksud: **“Dan antara tanda-tanda kebesaran Allah itu bahawa Dia jadikan bagi kamu pasangan hidup supaya kamu mendapatkan ketenangan/kebahagiaan bersamanya. Kemudian Allah ciptakan antara kamu berdua Al-Mawaddah (kasih sayang) dan Al-Rahmah (belas kasihan).”**

(Surah ar-Rum, ayat 21)



Tarikh : Rabu, 30 Mei 2012
 Program : **Motivasi Bulanan**
 Tajuk : Kekanda Adinda 2
 Skop Kupasan : Perkahwinan
 Penceramah : Ustaz Mohd Nizam bin Ali
 Pejabat Pendidikan Agama
 Daerah Ledang
 Tempat : Auditorium Canselor
 Masa : 9.00 pagi hingga 11.30 pagi

Atas permintaan tinggi dari staf-staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka atas Motivasi Bulanan 'Kekanda Adinda', justeru Motivasi Bulanan 'Kekanda Adinda 2' telah dianjurkan. Skop kupasan masih mengekalkan kupasan terdahulu dengan beberapa tips-tips tambahan yang boleh diadaptasikan dalam kehidupan rumahtangga agar lebih harmonis dan bahagia. Selain itu, peserta juga didedahkan dengan hikmah-hikmah perkahwinan. Motivasi Bulanan 'Kekanda Adinda 2' juga mengupas persoalan bagaimana membentuk rumahtangga yang harmoni, rukun serta damai. Antara skop kupasan adalah tanggungjawab suami, tanggungjawab isteri, 5 sebab perkahwinan berdasarkan Islam, punca keretakan rumahtangga, serta tips-tips mengekalkan keharmonian rumahtangga.



Pelan Penggantian adalah satu kaedah yang sistematik dalam mengenalpasti, menilai dan membangunkan keupayaan pegawai bagi memenuhi keperluan perjawatan di jabatan di masa yang akan datang. Pelan Penggantian dan Pengurusan Bakat merupakan satu konsep baharu dalam pengurusan sumber manusia yang semakin penting dewasa ini. Daripada aspek pengurusan serta pentadbiran Institusi Pengajian Tinggi (IPTA), bidang ini yang merangkumi proses pelantikan, pembangunan, pengekalan sumber manusia dan pelan penggantian sangat relevan dan dilihat semakin diberi penekanan sebagaimana yang dilihat dalam audit autonomi dan *good governance* yang dilalui oleh IPTA baru-baru ini.

Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 3 Tahun 2006 telah menggariskan panduan bagi proses pelaksanaan pelan penggantian. Namun begitu, tahap pengetahuan dan kemahiran pentadbir IPTA dalam bidang ini masih terhad dan belum mampu untuk memenuhi kehendak pengurusan sumber manusia di IPTA secara menyeluruh. Dari sudut kajian ilmiah pula, bilangan penerbitan yang dihasilkan dalam bidang pelan penggantian dan pengurusan bakat di Malaysia terutamanya IPTA pada ketika ini adalah terlalu sedikit dan tidak cukup untuk dijadikan rujukan bagi pelaksanaan yang berkesan di IPTA.

Administrator Global Outreach Program AGOP (2012) KE EROPAH (NETHERLAND DAN JERMAN) 19 APRIL HINGGA 30 APRIL 2012

oleh : MISDOM BIN LAN

Menyedari keperluan ini, Jawatankuasa Latihan Bersama Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia (JALUMA) telah memberi mandat dan kepercayaan kepada UPM untuk menerajui Jawatankuasa Kecil Program Lawatan Luar Negara JALUMA dan merangka satu program ke luar negara yang boleh memberi manfaat kepada semua IPTA di Malaysia. Ahli Jawatankuasa Kecil Program Lawatan Luar Negara JALUMA melalui beberapa siri mesyuarat dan perbincangan serta hubungan jaringan di peringkat antarabangsa telah mencadangkan satu program lawatan yang memfokuskan kepada aktiviti pembelajaran bagi memantapkan pengurusan bakat dan pelan penggantian.

Cadangan program ini telah dibentangkan dan mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftar IPTA Bil. 5/2011 pada 17 November 2011.

Administrator Global Outreach Program (AGOP 2012) adalah salah satu aktiviti UPM dengan kerjasama JALUMA dalam melaksanakan Global Outreach Program (GOP). Lawatan ini telah dilaksanakan pada 19 hingga 30 April 2012. Seramai 23 orang peserta telah menyertai program ini yang terdiri daripada Pengurus Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia IPTA

Pengisian utamanya program ini adalah kursus intensif Training of Trainers yang diadakan di Hotel De-Bosrand, Ede, Netherlands selama 4 hari anjuran MDF Training and Consultancy di samping lawatan rasmi ke Delft University of Technology, Eindhoven University of Technology dan Kedutaan Besar Malaysia di Netherlands serta lawatan bandar kampus di Heidelberg University, Jerman.

YBhg. Mej. (K) Datuk Abdullah bin Haji Mohd Said, Pendaftar Universiti Malaysia Sabah telah dilantik sebagai ketua delegasi bagi Administrator Global Outreach Program (AGOP 2012).

Latarbelakang

Objektif

1. Memperoleh kelayakan sebagai “*Certified Trainer*” dalam bidang pengurusan bakat (talent management) yang berupaya menjalankan latihan berkaitan pelan penggantian dan pengurusan bakat serta menjadi sumber rujukan dan peneraju dalam pelaksanaan proses pengurusan bakat di IPTA masing-masing
2. Memperoleh pengetahuan tentang amalan terbaik (*best practice*) pengurusan bakat dan pelan penggantian yang dilaksanakan di universiti-universiti terkemuka Eropah yang boleh dijadikan penandaarasan dalam mengaplikasikan *good governance* di IPTA masing-masing
3. Memperluas jaringan kerjasama dengan university dan agensi konsultansi di peringkat antarabangsa serta meneroka peluang-peluang dan kaedah-kaedah latihan dan pembangunan bakat bertaraf antarabangsa yang boleh diaplikasikan dalam bidang latihan dan pembangunan bakat di IPTA masing-masing.
4. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pentadbir universiti mengenai kepimpinan khususnya dalam pengamalan prinsip *mentoring & coaching* serta mengurus bakat (*talent management & Succession Planing*) dalam organisasi.
5. Membuka minda dan melakukan transformasi budaya kerja ke arah budaya berprestasi tinggi melalui pembelajaran, pemerhatian dan penilaian budaya kerja dan budaya hidup masyarakat Negara maju di Eropah.

Lawatan Sambil Belajar pertama adalah ke Delft University of Technology (TU Delft), Netherland pada 20 April 2012. Kehadiran peserta disambut oleh Puan Meinar Krisna Murti, Pegawai Perhubungan Antarabangsa dan Annemarie Gerretsen, Penasihat Sumber Manusia di TU Delft. Sesi taklimat dimulakan oleh Ketua deligasi AGOP yang menerangkan tentang objektif dan pengisian program seterusnya memperkenalkan ahli deligasi. Seterusnya Puan Annemarie Gerretsen memberikan taklimat mengenai Polisi Sumber Manusia dan pengurusan bakat di TU Delft. Perkongsian maklumat mengenai pelaksanaan pengurusan bakat di TU Delft juga antara perkara yang dibincangkan.

Selepas lawatan sambil belajar ke TU Delft, deligasi AGOP mengadakan lawatan rasmi ke Kedutaan Malaysia ke Amsterdam di The Hague, Netherland. Ketua deligasi AGOP menerangkan mengenai matlamat kedatangan deligasi AGOP ke eropah. Deligasi telah disambut oleh Cik Aida Safura Niza binti Othman, setiausaha Kedua mewakili Duta Besar Malaysia ke Amsterdam. Seterusnya deligasi telah diberikan penerangan mengenai sejarah hubungan diplomatik Malaysia-Netherland serta peranan dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh kedutaan Malaysia di Netherland.



Lawatan ke Delft University of Technology (TU Delft), Netherland



Dengan ingatan tulus ikhlas dari UTaM kepada Puan Annemarie Gerretsen, Penasihat Sumber Manusia di TU Delft.

Aktiviti-aktiviti Lawatan Sambil Belajar Ke Eropah



Kursus Training of Trainers – Talent Management

Training on Talent Management organized by MDF Training & Consultancy, Ede, Netherland (23 - 26 April 2012)

Pengisian utama program AGOP adalah Kursus Pengurusan Bakat dan Pelan Penggantian anjuran MDF Training and Consultancy yang diadakan pada 23 hingga 26 April 2012 di Hotel De-Bosrand, Ede, Netherland. MDF Training and Consultancy merupakan agensi latihan dan konsultasi antarabangsa terkemuka yang beribu pejabat di Netherland yang memfokus kepada pembangunan dan pengurusan dikalangan profesional.

Hari Pertama

En. Mike Zuijderuijn, Pengurus Besar MDF mengalu-alukan kedatangan peserta dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Malaysia. Beliau amat terharu kerana peserta adalah dari 15 buah IPTA dari Malaysia. Menurut beliau, inilah pengalaman manis pertama sepanjang mengendalikan kursus kepada peserta yang datangnya dari 15 buah universiti.

Beliau juga menjelaskan pelaksanaan dan perjalanan serta peraturan kursus yang akan dikendalikan oleh MDF Training & Consultancy kepada peserta. Peraturan pertama adalah peserta perlu mengambil bahagian disepanjang kursus yang akan dilaksanakan. Peserta dialu-alukan untuk lebih berinteraksi dan memberikan pandangan semasa kursus sedang dijalankan.

“Tell me and I’ll forget; show me and I may remember; involve me and I’ll understand.” Berlandaskan kepada prinsip tersebut, semua peserta dikehendaki mengambil bahagian sama ada dalam pembentangan atau penyediaan persiapan pembentangan. Semua peserta dikehendaki menumpukan perhatian kepada penceramah semasa ceramah sedang dijalankan. Peraturan yang ditetapkan telah mendisiplinkan peserta kursus untuk memberikan tumpuan kepada ceramah yang diberikan.

Sepanjang kursus, peserta dibahagikan kepada 2 kumpulan besar, kemudian peserta dibahagikan pula kepada 4 kumpulan kecil (3 orang dalam setiap kumpulan). Sebelum sesuatu tajuk kursus disampaikan, kumpulan kecil akan diberi tugas dan seterusnya dibentangkan. Dapatan hasil perbincangan akan dibanding dengan intipati kursus yang akan diberikan dan seterusnya akan diulas oleh penceramah.



Menerima sijil tamat kursus Training of Trainers dari MDF Training and Consultancy, Netherland.



Bersama Puan Annemarie Gerretsen, Penasihat Sumber Manusia di TU Delft.



Bersama Pengurus Besar MDF dan penceramah-penceramah kursus Training of Trainers

Sebelum sesi hari kedua diteruskan, sesi refleksi diadakan mengenai apakah pelajaran dan pengajaran yang diperolehi pada hari pertama. Tujuan sesi ini diadakan adalah untuk memastikan semua peserta memperoleh maklumat atau pengetahuan mengenai tajuk yang diikuti pada hari pertama. Setiap peserta akan ditanya mengenai apa yang diperolehi sepanjang hari pertama kursus dilaksanakan. Setelah selesai semua peserta memberi maklum balas, koordinator kursus akan memberi ulasan keseluruhan mengenai kursus yang diberikan pada hari pertama. Begitulah pendekatan *MDF Training & Consultancy* melaksanakan kursus sepanjang empat (4) hari ianya dilaksanakan.

Semasa kursus tersebut, peserta telah membuat lawatan rasmi ke Eindhoven University of Technology (TU/e). Semasa di TU/e, deligasi mengadakan sesi perkongsian pelaksanaan pengurusan sumber manusia di universiti berkenaan. Lawatan ini adalah sebahagian dari program kursus yang dikendalikan oleh *MDF Training and Consultancy*.

Kehadiran peserta kursus disambut oleh Mrs. Wilma Van Eck, Penasihat Sumber Manusia di Fakulti Fizik Gunaa dan Dr. Ir. Martijn Memerink, Profesor Madya di universiti berkenaan. Peserta diberi taklimat mengenai pelaksanaan sebenar pengurusan bakat dan pelan penggantian yang diamalkan di TU/e.

Hari kedua



Kursus Training of Trainers – Talent Management dari 23-26 April 2012 di Ede, Netherland

Programme of Talent Management

	MONDAY	TUESDAY	WEDNESDAY	THURSDAY
MORNING	Welcome Introduction Definition of Talent Management	Succession Planning	Linking TM to Performance Management	External Case: Han Verhoeven Reflection case
WEDNESDAY (17 April 2012)	Framework for Managing Talent Setting learning objectives	External case: Visit TU Eindhoven Reflection case	Development of Talent How to create a learning environment	Remaining topics / Action plan Action planning Evaluation Course Closure

Pengisian program kursus Training of Trainers dari 23-26 April 2012 di Ede, Netherland

Hari ketiga

Pada hari ketiga, kursus diteruskan dengan tajuk-tajuk yang memberi tumpuan kepada *linking talent management to performance management, development of talent dan how to create a learning environment*.

Hari Keempat

Pada hari keempat, kursus tertumpu kepada kajian kes dan refleksi serta kesimpulan intipati kursus yang diikuti sepanjang empat (4) hari. Di akhir kursus, peserta dianugerahkan sijil tamat mengikuti kursus *Training for Trainers – Talent Management* oleh Pengurus Besar MDF *Training & Consultancy*.

Pengurus Besar MDF Training and Consultancy mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada para peserta yang berjaya mengikuti kursus dengan jayanya. Beliau juga berharap agar peserta dapat mengaplikasikan pengetahuan yang telah dipelajari mengikut kesesuaian senario dan persekitaran universiti masing-masing.

Puan Suhana binti Md Chairi, Pengerusi Jawatankuasa Kerja AGOP 2012 dalam ucapan balasnya berharap agar program yang dijalankan mampu memberikan impak yang besar dalam meningkatkan pengetahuan dan profesionalisma para peserta. Beliau juga merakamkan penghargaan kepada semua rakan IPTA yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan AGOP 2012 dan berharap program yang sangat bermakna ini akan dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

Kursus selama 4 hari itu telah dikendalikan oleh 4 orang penceramah iaitu Puan Nancy Jaspers, Encik Jan Kuyper, Puan Jolanda Buter dan Puan Miriam Tegelaers.

Selepas menamatkan kursus selama 4 hari di Ede, Netherland, deligasi telah dibawa ke Jerman untuk melawat bandar kampus di Heidelberg University, Jerman. Deligasi telah disambut oleh Pegawai Perhubungan Awam universiti berkenaan dan diberi taklimat mengenai sejarah universiti seterusnya dibawa melawat tempat-tempat bersejarah dan muzium universiti berkenaan.



Kesimpulan

Sepanjang mengikuti AGOP 2012 ke Netherland dan Jerman serta kursus *talent management* selama 4 hari di Ede, Netherland, terdapat banyak informasi baru yang diperolehi dan boleh dimanfaatkan bersama rakan-rakan ditempat kerja serta keluarga. Melalui lawatan tersebut saya dapat membuat pemerhatian secara dekat mengenai budaya hidup dan budaya kerja masyarakat eropah, persekitaran, infrastruktur, sosio ekonomi masyarakat, tempat-tempat bersejarah dan tumpuan pelancang serta bandar-bandar utama di Netherland dan Jerman seperti Amsterdam, Delft, The Hague, Eindhoven, Ede, Buitenhof, Kuekenhof, Cologne dan Frankfrut.

Pengalaman yang paling ketara mengenai budaya hidup masyarakat di Netherland ialah mereka menghormati peraturan yang dikuatkuasakan. Keadaan ini menjadikan masyarakatnya hidup penuh dengan disiplin dan saling menghormati antara satu sama lain. Penguatkuasaan peraturan yang tegas dari pihak bertanggungjawab menjadikan warganya lebih berdisiplin dan hidup masyarakatnya lebih tersusun dan teratur.

Aktiviti

Sepanjang perjalanan menelusuri bandar Amsterdam dan sekitarnya, tidak kelihatan sampah bersepah dijalan raya atau kawasan pejalan kaki. Kawasan persekitaran kediaman dan perniagaan dijaga bersama dan sentiasa dalam keadaan bersih. Begitu juga tidak kelihatan kesan vandalism terhadap kemudahan awam seperti talipon awam, tandas awam dan lain-lain kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan. Poster, bunting dan banner mengenai iklan perniagaan atau pemakluman ditampal ditempat yang disediakan dengan susun atur yang ditetapkan.

Asyik dengan keindahan negara orang, terpenggil saya untuk berkongsi pengalaman keadaan di Malaysia. Melaka adalah contoh salah sebuah negeri di Malaysia yang bersih dan indah serta tersusun perbandarannya. *Tag line* Melaka Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau adalah bertepatan. Rata-rata pelancong yang datang ke negeri Melaka mengakui bahawa Melaka adalah sebuah negeri yang bersih dan cantik. Sebuah negeri atau negara tidak akan mencapai tahap kelas pertama jika minda rakyatnya tidak sekelas dengannya. Begitu juga, UTeM tidak akan dapat menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia jika warganya tidak berfikiran kreatif dan inovatif bertaraf dunia. Budaya menghormati dan mengikut peraturan adalah sesuatu yang perlu dicontohi. Jika set minda ini dapat dilaraskan ke landasan yang sebenar, maka apa jua perancangan dan matlamat akan lebih mudah untuk direalisasikan.

Lawatan ke Frankfurt, Jerman


Penghargaan

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak universiti terutama kepada YBhg Datuk Naib Canselor dan Pendaftar yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengikuti lawatan sambil belajar ke Eropah (Netherland dan Jerman) anjuran Universiti Putera Malaysia dengan kerjasama JALUMA. Melalui program tersebut, saya berpeluang mengikuti kursus *Training of Trainers – Talent Management* yang diadakan di Hotel De-Bosrand, Ede, Netherlands selama 4 hari anjuran MDF Training and Consultancy.

Pengalaman yang diperolehi sepanjang lawatan sambil belajar ke Eropah akan dijadikan sebagai panduan dan pengajaran untuk kelangsungan hidup. Juga ilmu pengetahuan yang diperolehi semasa mengikuti kursus akan dikongsi bersama rakan sejawat di Pejabat Pendaftar terutama dalam usaha menyediakan pelan penggantian.

Jutaan terima kasih juga kepada pihak penganjur iaitu UPM dan JALUMA kerana telah mengendalikan program seumpama ini dengan baik dan cemerlang. Penganjuran program seumpama ini perlu diteruskan kerana ianya mencapai objektif yang ditetapkan. Selain dari itu, program ini juga memberi pendedahan kepada peserta mengenai kaedah pengendalian kursus dan budaya hidup dan kerja sesebuah negara yang dilawati. Mana-mana perkara yang baik boleh dijadikan tauladan dan perkara yang kurang baik hendaklah dijadikan sebagai pengajaran.

Lawatan rasmi ke Eindhoven University of Technology (TU/e)





Taklimat Jurutera Profesional bersama The Institution Of Engineers Malaysia (IEM)

Tarikh : 18 April 2012

Waktu : 8.30 pagi – 12.00 tengahari

Tempat : Dewan Auditorium, Bangunan Canselori




Kursus Kaedah Penyelidikan Siri 1/2012

Tarikh : 22 April 2012 – 28 April 2012

Tempat : Thistle Hotel & Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan & UTeM

Aktiviti? Bahagian Cuti Belajar

April - Mei 2012



Kursus Neuro Linguistic Programme (NLP) Siri 1/2012, Tarikh : 25 Mei 2012 – 27 Mei 2012, Tempat : Le Grandeur , Senai, Johor Bahru, Johor

Perlawanan Akhir Bolasepak SAJ 2012 UTeM (Pejabat Pendaftar vs Pejabat Pembangunan), 3 Mei 2012, 8.30 malam, Stadium UTeM. oleh: ARJUNAIDY BIN DEMEK

Pejabat Pendaftar akhirnya merangkul kejuaraan bola sepak Sukan Antara Jabatan UTeM 2012 selepas tempoh empat tahun apabila menewaskan Pejabat Pembangunan yang merupakan musuh tradisi menerusi penentuan sepakan penalti 3-1 selepas kedua-dua pasukan terikat 1-1 dalam tempoh permainan 90 minit.

Pertembungan 'el clasico' UTeM ini sememangnya dijangka sengit dan mendebarkan. Pejabat Pembangunan membuka jaringan seawal minit ke-10 apabila Anis Md Tahir berjaya menanduk masuk dan menewaskan penjaga gol Pejabat Pendaftar, Ahmad Fitri Abu Bakar. Namun gol pembukaan itu tidak mematahkan semangat pemain Pejabat Pendaftar dan mereka

melancarkan serangan bertali arus, namun kecekapan pertahanan Pejabat Pembangunan menjadi penghalang besar untuk Pejabat Pendaftar mendapatkan gol.

Namun usaha berterusan Pejabat Pendaftar berbaloi apabila memperolehi gol penyamaan di minit-minit akhir separuh masa pertama apabila pemain tengah Pejabat Pendaftar, Zamani Salleh akhirnya berjaya melepaskan rembatan padu di luar kotak penalti dan menewaskan penjaga gol Pejabat Pembangunan, Mohd Rafi Ramli.

Permainan di separuh masa kedua bertambah rancak apabila kedua-dua pasukan sering berbalas serangan namun kesemuanya tidak mendatangkan hasil. Percubaan terbaik Pejabat Pendaftar untuk menambahkan jaringan hadir pada minit ke-70 apabila tandukan pemain pertahanan, Hisyamuddin Jamari terkena palang. Perlawanan terpaksa diheret ke penentuan melalui sepakan penalti selepas kedua-dua pasukan terikat 1-1.

Pada penentuan sepakan penalti, penjaga gol Pejabat Pendaftar, Ahmad Fitri Abu Bakar telah bertindak cemerlang apabila berjaya menyelamatkan tiga sepakan penalti yang diambil oleh pemain Pejabat Pembangunan. Gol Pejabat Pendaftar telah dijaringkan oleh Mohd Yazid Abu, Muhamad Khairul Mohamad Noor dan Mohd Khairul Izam Harun manakala gol Pejabat Pembangunan dijaringkan oleh Shahrhan Moksen @ Mohd Hussin.

"Musim ini sungguh menyukarkan kami tetapi akhirnya berjaya dan diharapkan ini akan menjadi permulaan bagi sebuah skuad yang terdiri ramai daripada pemain baru. Saya mahu dedikasikan kejayaan ini kepada penyokong," kata Ketua Pasukan Pejabat Pendaftar, Mohd Yazid Abu.

Abdul Aziz Ayob @ Mohammad, Jurulatih Pejabat Pendaftar menambah: *"Kami cukup gembira. Perlawanan ini memang sukar dan Pejabat Pembangunan memang pesaing yang kuat, kami mahu meraikan kejayaan ini dan meraikan bersama peminat."*

"Kejuaraan ini cukup bermakna kepada kami, tiada siapa memberikan kami apa-apa harapan pada permulaan saingan. Kami berjuang dari mula hingga akhir, semua pemain cukup hebat dan mereka layak atas gelaran ini," kata Penolong Pengurus, Arjunaidy Demek.

tahniah...!!!

hala registrar...!!!

Futsal

Naib Juara

Tempat Ketiga

Sukan Antara SAJ

Jabatan 2012


Tenis

Pingpong


Pengalaman ke Gunung Kerinci, Sumatera Indonesia 1 Mei - 6 Mei 2012



Bas eksekutif yang amat selesa




Di Lapangan Terbang Minang Kabau



Khuyuk mendengar taklimat dari Pak Subandi (baju Belang)



Contoh Rumah Minang yang dapat dilihat sepanjang perjalanan



Selamat Pagi Gunung Kerinci




Pintu Gerbang yang menggamit kedatangan kami



POS.1
Perjalanan mengambil masa lebih kurang 20 minit dari Pintu Rimba

Shelter 1.
Perjalanan mengambil masa lebih kurang 2 jam dari POS. 3. Keadaan sejuk dan hujan renyai.



POS. 2
Perjalanan mengambil masa lebih kurang 1 jam 30 minit dari POS.1



Para Pendaki di puncak Gunung Kerinci bersama 'Guider' dan 'Potter'

POS.3
Sampai pada pukul 11.30 pagi. Rehat sambil makan biskut kering dan air kosong. Perjalanan mengambil masa 1 jam dari POS.2



Bendera UTeM dan Jalur Gemilang berkibar megah di Puncak Gunung Kerinci



Danau Gunung Hijau



Mengabadikan gambar kenangan



Pengarah program menerima sijil dari Pak Subandi



Wajah ceria para pendaki



Pemandangan ketika senja di kaki Danau Gunung Tujuh



Para Pendaki bergambar di Danau Gunung Tujuh